



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA TOKOH SENI TARIAN SABA PUAN CHE  
WAN NOORSAIDI BINTI CHE WAN ABDUL RAHMAN**

**OLEH:**

**NUUR ATHIRAH BINTI ABU HASHIM (2020602604)**

**NUR ARIFAH SYAHADAH BINTI YUSNILZAHRI (2020470266)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
PUSAT PENGAJIAN SAINS MAKLUMAT, KOLEJ PENGAJIAN  
PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MEDIA, CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN SEMESTER 05  
(OKTOBER 2022-FEBRUARY 2023)**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>ABSTRAK</b>	<b>1</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>2</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>3</b>
<b>BIODATA PENEMU BUAL</b>	<b>4</b>
<b>BIODATA TOKOH</b>	<b>6</b>
<b>1.0 PENGENALAN</b>	<b>7</b>
1.1. PENDAHULUAN	7
1.2. LATAR BELAKANG KAJIAN	8
1.3. PERMASALAHAN KAJIAN	8
1.4. OBJEKTIF KAJIAN	9
1.5. PERSOALAN KAJIAN	9
1.6. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN	10
<b>2.0 TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>11</b>
<b>3.0 METODOLOGI</b>	<b>12</b>
3.1. PENDEKATAN KAJIAN	12
3.2. PESERTA KAJIAN	13
3.3. PROSEDUR PENGUMPULAN DATA	14
3.4. CARTA GANTT PROJEK	15
<b>4.0 TRANSKRIP TEMUBUAL</b>	<b>17</b>
PENDAHULUAN	17
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH	18
BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN	21
BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL	24
BAHAGIAN 4: PENGLIBATAN AWAL TOKOH DALAM PERSEMBAHAN SABA	28
BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN TOKOH	36
BAHAGIAN 6: HARAPAN DAN NASIHAT	39
PENUTUP	40
<b>5.0 RALAT</b>	<b>41</b>
<b>6.0 LOG TEMUBUAL</b>	<b>42</b>
<b>7.0 HASIL KAJIAN</b>	<b>53</b>

7.1 Latar belakang tarian Saba	53
7.2 Pengubahan ritual tarian Saba kepada kesenian dan hiburan	53
<b>8.0 INDEX</b>	<b>54</b>
<b>9.0 RUJUKAN</b>	<b>55</b>
<b>10.0 LAMPIRAN</b>	<b>57</b>
Lampiran 1 - Surat Perjanjian	57
Lampiran 2 - Soalan Temubual	58
Lampiran 3 - Diari kajian	62
Lampiran 4 - Gambar	65

## ABSTRAK

### Transkrip Wawancara Bersama Tokoh Tarian Saba, Puan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman

*Temubual ini dilakukan bersama seorang tokoh kesenian yang mewarisi kesenian persembahan Saba daripada arwah ayah beliau iaitu Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman atau lebih dikenali sebagai Mak Zah untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai seorang pemain persembahan saba. Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman atau Mak Zah telah terdedah kepada persembahan ritual Saba sejak kecil lagi iaitu sekitar tahun 70-an. Mak Zah merupakan satu-satunya tokoh kesenian Saba yang boleh memainkan persembahan Saba ini dengan baik. Beliau juga mengetahui kisah-kisah yang wujud dalam persembahan Saba. Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman @ Mak Zah adalah merupakan pakar rujuk untuk kesenian Saba ini. Pelbagai ujian dan cabaran yang dilalui oleh Mak Zah dalam meneruskan perkhidmatan beliau sebagai pemain persembahan Saba dari dulu hingga kini. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau boleh dijadikan sumber inspirasi bukan hanya kepada mereka yang terlibat dalam dunia seni tetapi juga kepada semua lapisan masyarakat.*

*Kata kunci: kesenian, persembahan Saba, tarian, nyanyian, muzik*

*This interview was conducted with an artist who inherited the art of performing Saba from her late father, Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman or better known as Mak Zah, to find out about her service in her career as a Saba performer. Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman or Mak Zah has been exposed to Saba ritual performances since she was a child, around the 70s. Mak Zah is the only Saba artistic figure who can play this Saba performance well. She also knows the stories that exist in Saba's performance. Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman or Mak Zah is a reference expert for this Saba performance. Mak Zah went through a number of challenges and difficulties while she continued to serve as a Saba performer in the past and throughout the present. Her life and professional history may be a source of inspiration for people from many areas of life, not just those working in the arts and cultures.*

*Keywords: Arts, Saba performance, dance, sing, music*

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Pertama sekali kami ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrah Allah S.W.T ke atas limpah dan kurniaNya kerana memberi kami kekuatan, kesabaran, katabahan untuk menyempurnakan tugas yang telah diberikan dan diamanahkan kepada kami.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Madam Nurulannisa Binti Abdullah iaitu penyarah kami di dalam subjek IMR604 di atas kesudian dan kesabaran beliau dalam perkongsian ilmu, membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang tugas ini dijalankan. Tanpa bimbingan dan sumbangan beliau dalam mengajar kami, kami tidak akan boleh untuk menyiapkan tugas ini. Segala penat lelah dan tunjuk ajar daripada madam sangatlah kami hargai dan kami akan memmanfaatkannya sebaik mungkin.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tokoh kami iaitu Puan Che Wan Noorsaidi binti Che Wan Abdul Rahman di atas kesudian dan kerjasama beliau sepanjang projek dan tugas ini dijalankan. Kami amatlah berbesar hati di atas kesudian beliau meluangkan masa bersama kami dan bermurah hati untuk berkongsi ilmu beliau tentang Tarian Saba bersama kami. Kami juga amat bertuah kerana Puan Che Wan Noorsaidi binti Che Wan Abdul Rahman amatlah mudah untuk bekerja dan sangat ramah sepanjang sesi temuramah untuk tugas ini dijalankan. Beliau juga sangat mudah dalam berkongsi ilmu kepada kami. Segala perkongsian ilmu daripada beliau akan kami manfaatkan dan hargai.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada rakan-rakan yang membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Doa dan dorongan daripada ahli keluarga kami juga turut membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Sekian terima kasih daripada kami.

## SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	NAMA PENUH
CWN	Che Wan Noorsaidi
AS	Nur Arifah Syahadah
NA	Nuur Athirah
KL	Kuala Lumpur
NGO	Non-Governmental Organization
MC	Master of Ceremonies / Pengacara Majlis
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
HQ	Headquarters /Ibu Pejabat
UiTM	Universiti Teknologi Mara

## BIODATA PENEMU BUAL

### PENEMU BUAL 1



**Nama** : Nuur Athirah Binti Abu Hashim

**Alamat** : Pekan, Pahang

**Nombor Telefon** :

**Emel** : @gmail.com

**Program** : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (IM245)

## PENEMU BUAL 2



**Nama** : Nur Arifah Syahadah Binti Yusnilzahri

**Alamat** : Tumpat, Kelantan

**Nombor Telefon** :  
@gmail.com

**Emel** :  
Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pusat Pengajian

**Program** : Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (IM245)



## BIODATA TOKOH



- Nama penuh** : Che Wan Noorsaidi binti Che Wan Abdul Rahman
- Tarikh lahir** :
- Tempat lahir** : Kampung Kuala Jengal
- Kewarganegaraan** : Malaysia
- Bangsa** : Melayu
- Agama** : Islam
- Pendidikan** : Sekolah Rendah Kampung Kuala Jengal
- Pekerjaan** : Juru Tari persembahan Tarian Saba
- Tahun aktif** : 1972 - kini

## 1.0 PENGENALAN

### 1.1. PENDAHULUAN

Seni adalah sesuatu yang dicipta dengan bakat, yang merupakan hasil ciptaan yang halus dan dianggap mempunyai keindahan serta memberi kepuasan kepada peminatnya. Menurut Jabatan warisan negara, tarian adalah satu bentuk persembahan melalui pergerakan badan secara berirama untuk dilakukan pada waktu dan tempat tertentu untuk keperluan pergaulan dan mengungkapkan perasaan, pemikiran dan maksud. Sesuatu persembahan tarian itu diperkuatkan penyampaian dan maksud yang ingin disampaikan kepada penonton melalui bunyi-bunyian dan muzik.

Gerakan tarian adalah berbeza dari gerakan rutin seharian seperti berjalan, bersenam atau berlari. Ini kerana, tarian atau pergerakan yang dikategori tari biasanya bertujuan untuk menyampaikan atau menyatakan sesuatu pergerakan anggota tubuh yang disulami emosi dan jiwa penari. Seni tarian di Malaysia dipengaruhi dengan perkembangan semasa dunia. Contohnya seperti tarian moden kontemporari, latin, jazz, ballet dan sebagainya. Namun demikian, seni tarian yang berunsur tradisional yang mewakili masyarakat komuniti tempatan juga seharusnya dilindungi, diwarisi dan dimartabatkan agar ia tidak terhapus dan hilang ditelan arus kemodenan zaman.

Sejarah lisan adalah cara merekodkan kenangan seseorang. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada seseorang yang pernah terlibat dalam acara atau yang mempunyai pengetahuan peribadi tentang mereka. Maklumat tersebut kemudiannya disemak dan disalin supaya ia boleh digunakan untuk mengajar dan menyelidik. Mengekalkan warisan adalah penting supaya generasi akan datang dapat mempelajari budaya tersebut. Ini kerana, dengan mengekalkan warisan, kita dapat menunjukkan kepada dunia bahawa kita berbangga dengan sejarah dan tradisi yang kita miliki. Tinggalan sejarah sering menarik pelancong dari negara lain. Oleh kerana itu, penting untuk mengekalkan bahagian penting budaya yang kita miliki ini.

## **1.2. LATAR BELAKANG KAJIAN**

Puan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman atau lebih dikenali sebagai Mok Zah merupakan penggiat seni yang berasal dari Dungun, Terengganu. Beliau merupakan tokoh seni budaya yang mempunyai pengalaman yang luas dan mendalam dalam seni Tarian Saba. Puan Che Wan Noorsaidi merupakan generasi yang ke-9 yang mewarisi seni Tarian Saba selepas bapanya. Beliau telah terdedah dengan seni Tarian Saba sejak kecil lagi iaitu sekitar tahun 70-an yang diajar oleh bapanya sendiri iaitu Che Wan Abdul Rahman. Beliau pakar dalam semua aspek yang berada di dalam seni Tarian Saba, antaranya ialah, menari, menyanyi dan bermain alat musik Anak Uambang.

Puan Che Wan Noorsaidi sangat mengetahui tentang kisah-kisah wujudnya dan bermulanya Tarian Saba. Beliau adalah satu-satunya tokoh yang mengetahui dan boleh memainkan seni Tarian Saba dengan baik. Pelbagai cabaran dan ujian yang dihadapi oleh beliau dalam meneruskan dan mengembangkan lagi seni Tarian Saba dari dulu hingga kini. Ketabahan dan kesungguhan beliau dalam meneruskan seni Tarian Saba boleh dijadikan tauladan dan semangat untuk terus mempertahankan seni budaya di negara Malaysia. Minat dan cinta beliau terhadap seni Tarian Saba tetap utuh sehingga kini dan ia dibuktikan dengan masih wujudnya Tarian Saba ini bukan sahaja di tempat kelahiran beliau sahaja iaitu negeri Terengganu, tetapi Tarian Saba juga diajar dan dimainkan di negeri-negeri yang lain juga.

## **1.3. PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan kajian yang dihadapi bagi menyempurnakan proposal ini adalah berkaitan tentang biodata dan latar belakang Puan Che Wan Noorsaidi. Maklumat berkaitan beliau di internet sangat sedikit dan tidak lengkap. Oleh itu, ia merupakan kesukaran untuk menghubungi beliau. Pada akhirnya, kami bersepakat untuk mencari maklumat tentang Che Wan Noorsaidi di Pusat Seni dan Kebudayaan di Kuala Terengganu.

Setelah berjaya menghubungi Che Wan Noorsaidi, kami dimaklumkan rumah beliau mengalami banjir yang teruk dan terdapat banyak kemusnahan. Oleh itu, kami terpaksa menangguh sesi temubual tersebut bagi memberi ruang kepada beliau untuk membersihkan dan mengemas rumah yang musnah akibat banjir. Penangguhan itu berlanjutan selama 2 minggu kerana kekangan waktu dan jadual beliau yang mana Che Wan Noorsaidi perlu menghadiri kursus dan tidak dapat memberi waktu untuk sesi temubual ini. Kemudian kami telah memersetujui tarikh baharu untuk menemubual beliau iaitu pada 28 Januari 2023.

#### **1.4. OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui lebih lanjut tentang latar belakang kehidupan Puan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman sebagai seorang ahli seni Tarian Saba. Berikut adalah tujuan kajian:

- Untuk mengetahui lebih lanjut tentang latar belakang Puan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman sebagai tokoh seni Tarian Saba.
- Untuk mengetahui lebih lanjut tentang seni Tarian Saba.
- Untuk mengkaji penglibatan Puan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman dalam seni Tarian Saba.

#### **1.5. PERSOALAN KAJIAN**

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tentang latar belakang kehidupan tokoh Che Wan Noorsaidi sebagai seorang penggiat seni tarian iaitu tarian Saba. Tujuan penyelidikan ini ialah:

- Bagaimanakah penglibatan dan pembabitan tokoh Che Wan Noorsaidi dalam seni tarian Saba?
- Apakah latar belakang tokoh Che Wan Noorsaidi?
- Apakah cabaran dan sumbangan Che Wan Noorsaidi sebagai penggiat seni tarian saba?

## 1.6. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan dan sumbangan kajian dilakukan mengetahui tentang kepentingan dan sumbangan seni tarian atau seni tari di Malaysia. Seni boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang kecil, elok, tipis dan halus, enak di dengar iaitu melalui suara, kecomelan bentuk badan (Kamus Dewan Bahasa, 2005). Manakala tarian boleh ditakrifkan sebagai gerakan badan serta tangan dan kaki berirama mengikut rentak muzik (Kamus Dewan Bahasa, 2005). Seni Tarian boleh ditakrifkan sebagai gerakan seluruh badan dengan lenggokan bentuk badan yang elok dan halus. Seni tarian dapat menarik minat dari semua lapisan masyarakat tidak kira umur. Seni tarian juga berfungsi sebagai kaedah untuk menyatukan masyarakat tidak kira umur dan perkauman. Hal ini kerana kaedah ini juga digunakan pada awal abad ke-20 untuk menyatukan masyarakat dari pelbagai aspek seperti ekonomi, sosial dan politik.

Selain itu, seni tarian seperti Tarian Saba dapat menyatukan masyarakat dari segi perkauman. Hal ini kerana, tidak kira seseorang itu dari suku perkauman yang mana ataupun bangsa apa, mereka dapat menyertai dan mempelajari seni tarian. Ini kerana di dalam seni tarian, semua orang dikira sama dan tidak dibezakan melalui bangsa atau perkauman. Seni tarian juga mempunyai keunikannya yang tersendiri yang boleh menarik minat masyarakat untuk menyertai dan mempelajari seni tarian tidak kisah jenis tarian seperti Tarian Saba, Tarian Makyong atau Tarian Ulik Mayang.

Seterusnya, kajian ini juga dibuat bertujuan untuk menambah bahan-bahan dari sumber primer mengenai seni tarian. Hal ini kerana, kurangnya sistem pendokumentasian yang melibatkan seni tarian di negara Malaysia. Selain daripada kurang sistem pendokumentasian, sumber bertulis juga berkurang menyebabkan generasi muda tidak begitu mengenali tentang warisan dan tokoh-tokoh yang menceburi bidang seni tarian ini.

## 2.0 TINJAUAN LITERATUR

Seni tari merupakan warisan budaya yang unik di Malaysia. Pelbagai kaum boleh menunjukkan kemahiran tarian mereka sama ada Melayu, Cina, India dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Setiap tarian yang dipersembahkan oleh setiap kaum adalah eksotik dan menawan. Gerak anggota badan yang dilakukan dengan lemah lembut dengan diiringi bunyi muzik. Menurut C.Sachs iaitu seorang ahli sejarah tarian dan muzik Jerman, beliau mendefinisikan tarian sebagai sebuah gerakan berirama. Seni tari juga didefinisikan sebagai pengucapan jiwa seseorang manusia melalui gerak geri berirama yang indah.

Keunikan tarian-tarian yang ada di Malaysia dapat dilihat apabila kebanyakan tarian mempunyai banyak pengaruh unsur-unsur luar yang diterjemahkan dalam bentuk tarian. Antara tarian yang mendapat pengaruh daripada luar adalah tarian Mak Yong Melayu. Ia berasal daripada Patani iaitu di Selatan Thailand. Selain itu, tarian Kuda Kepang yang mana ia dibawa oleh pendatang Jawa ke negeri Johor. Sebaliknya di Sabah dan Sarawak, keunikan tarian mereka lebih terserlah kerana mereka mencipta sendiri tarian tersebut. Ia bagi memperingati dan merayakan suatu peristiwa dan perayaan. Contohnya, tarian yang dicipta ialah tarian Datun Julud yang dicipta oleh seorang putera Kenyah bernama Nyik Selong. Tarian tersebut bagi menggambarkan kegembiraan dan kesyukuran.

Persembahan tarian mempunyai tujuan dan maksud tertentu. Oleh yang demikian, ia menjadikan sesuatu persembahan tarian itu menjadi semakin menarik. Kerana ia akan dipersembahkan hanya pada sesuatu peristiwa dan waktu-waktu tertentu sahaja. Kebiasaannya, tarian orang Melayu dipersembahkan untuk memenuhi amalan ritual seperti meraikan majlis kesyukuran, bernazar dan amalan perubatan. Antara tarian tersebut ialah tarian Saba. Tarian Saba ialah sebuah persembahan tarian dan nyanyian yang mempunyai kaitan dengan peristiwa tertentu yang berasaskan kepercayaan kepada kuasa ghaib. Ia telah wujud di Kuala Jengai, Dungun sejak 150 tahun dahulu. Tarian Saba dipercayai telah diperkenalkan oleh seorang bomoh wanita bertujuan untuk perubatan. Lazimnya, ia dipersembahkan di suatu ruangan khas di dalam sebuah rumah. Bahan terpenting bagi persembahan ini adalah pokok Saba itu sendiri. Watak "abang peduang", pesakit dan juga dewa adalah merupakan jalinan tiga watak utama dalam persembahan ini. Tarian Saba mempunyai keunikannya tersendiri.

### 3.0 METODOLOGI

#### 3.1. PENDEKATAN KAJIAN

Pendekatan kajian yang digunakan di dalam kajian ini ialah sejarah lisan. Sejarah lisan adalah bidang pengajian dan method mengumpulkan, memelihara dan menafsirkan suara dan data mengenai kenangan seseorang, masyarakat, dan tokoh-tokoh dalam peristiwa masa lalu. Sejarah lisan juga boleh dikaitkan dengan salah satu kaedah untuk penyelidikan sejarah yang digunakan oleh pengkaji sejarah dan penyelidik dalam mengumpulkan sumber-sumber sejarah seperti saksi kepada sejarah dalam arti kata lain tokoh-tokoh yang terlibat dalam sejarah atau yang mengukir dan mencipta nama mereka dalam sejarah yang berbentuk lisan yang dijadikan sebagai salah satu cara untuk melengkapkan rekod bertulis. Rekod bertulis disini bermaksud maklumat-maklumat yang diterima melalui sesuatu wawancara akan ditulis dan disalin untuk digunakan sebagai bahan rujukan dan kajian dan juga bahan pengajian setelah salinan tersebut disemak. Terdapat dua kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada tokoh-tokoh serta ahli sejarah.

- **Kaedah Wawancara**

Kaedah wawancara merupakan elemen, perkara dan juga kaedah yang penting dalam sejarah lisan. Hal ini kerana, kaedah wawancara merupakan kaedah tradisi lisan yang diamalkan dan dilakukan secara turun temurun. Kaedah wawancara merupakan kaedah yang terbaik dan cekap kerana pihak penyelidik atau pihak yang melakukan wawancara untuk mendapatkan maklumat daripada tokoh-tokoh atau ahli sejarah dapat mendapatkan dan memperoleh maklumat yang banyak, tepat dan berguna untuk dibuat bahan rujukan dan kajian. Tambahan pula, maklumat daripada kaedah wawancara dijamin tidak akan ada maklumat yang direka atau ditokok tambah oleh responden atau saksi kejadian ketika itu. Kaedah ini juga telah dipersetujui oleh beberapa sarjana. Mereka juga bersetuju

bahawa kaedah ini merupakan kaedah yang terbaik dalam mengumpulkan maklumat untuk sejarah lisan.

- **Kaedah Pemilihan Saksi atau Responden Kata Dengar**

Kaedah pemilihan saksi atau responden kata dengar merupakan elemen dan penentu kepada keberkesanan dan kejayaan maklumat yang diperolehi dalam sesebuah wawancara. Dalam pemilihan saksi atau responden kata dengar, pemilihan tersebut dibuat berdasarkan dua kriteria iaitu umur dan kesihatan mental. Bagi kriteria yang pertama iaitu umur, saksi atau responden tersebut perlulah berumur paling minimum 15 tahun ketika peristiwa yang diwawancarakan itu berlaku. Sebagai contoh, seorang saksi perlu berumur 15 tahun dan ke atas ketika perang dunia kedua berlaku untuk membolehkan beliau diwawancara. Kriteria kedua iaitu kesihatan mental, status kesihatan mental saksi atau responden mestilah stabil kerana ia amat penting untuk mengukur kemampuan saksi atau responden dalam menyampaikan pengalaman dan sejarah lisan mereka dengan mengingati peristiwa yang dianggap penting di dalam memori mereka. Dengan lulusnya kedua-dua kriteria tersebut, saksi atau responden boleh diwawancara untuk sejarah lisan.

### **3.2. PESERTA KAJIAN**

Puan Nurulannisa telah memaklumkan kepada para pelajar berkaitan tajuk tugas pada tanggal 17 Oktober 2022. Tajuk tugas yang telah dipersetujui oleh pihak universiti ialah Seniman Veteran dan Seni Warisan Tempatan. Kesemua pelajar ditugaskan untuk menemu ramah seorang tokoh seniman veteran atau tokoh seni warisan tempatan. Temubual tersebut hendaklah dilakukan sama ada secara bersemuka atau secara atas talian. Oleh yang demikian, seorang tokoh seniwati telah dipilih dan disepakati untuk di temubual. Beliau merupakan seorang penggiat seni tarian Saba iaitu Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman atau lebih dikenali sebagai Mak Zah. Temubual ini bertujuan bagi mengetahui perjalanan dan selok-belok kehidupan kerjaya beliau seorang penggiat seni tarian Saba.



### 3.3. PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Terdapat beberapa prosedur yang dilakukan oleh kami untuk mengumpul data mengenai tokoh seni kami iaitu Puan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman. Proses pengumpulan data bermula daripada mencari maklumat beliau di dalam internet hinggalah berakhir di kami mewawancara beliau.

Kami memulakan kajian kami dengan melayari internet untuk mengetahui serba sedikit tentang tokoh seni Tarian Saba kami iaitu Puan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman. Akan tetapi, maklumat tentang beliau sangatlah terhad dan agak sukar untuk kami mendapatkan maklumat tentang beliau. Pelbagai sosial media seperti Facebook, Instagram dan juga Twitter telah kami lihat untuk mencari maklumat tentang beliau tetapi hanya sedikit yang kami perolehi.

Antara maklumat yang kami perolehi adalah Puan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman merupakan generasi yang ke-9 yang mewarisi seni Tarian Saba. Beliau telah terdedah dengan seni Tarian Saba sejak kecil lagi iaitu sekitar tahun 70-an. Beliau mula mempelajari seni Tarian Saba daripada ayah beliau iaitu Encik Che Wan Abdul Rahman selaku generasi sebelum Puan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman.

Setelah sukar untuk menemui maklumat yang mendalam tentang Puan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman dan juga seni Tarian Saba, kami membuat keputusan untuk mewawancara beliau. Disebabkan oleh kekangan waktu disebabkan jadual beliau dan jarak yang jauh menyebabkan kami terpaksa menangguh sesi wawancara selama 2 minggu. Akan tetapi, Puan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman bersetuju untuk mengadakan sesi wawancara secara bersemuka pada 28 Januari 2023 dan kami akan pergi menemui beliau di kampung halaman beliau di Kampung Jengal, Dungun, Terengganu.

### 3.4. CARTA GANTT PROJEK

TAHUN	2022												2023	
BULAN	OKTOBER				NOVEMBER				DISEMBER				JANUARI	
MINGGU AKTIVITI	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Pensyarah memberikan penerangan mengenai tajuk dan kehendak tugas kepada pelajar														
Mencari tokoh yang bersesuaian dengan kehendak tugas														
Mendapatkan kelulusan daripada pensyarah mengenai tokoh yang dipilih (Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman sebagai pilihan utama dan Encik Muhammad Azlee Bin Jaafar sebagai backup)														
Pensyarah meluluskan tokoh yang dipilih (Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman)														

TAHUN	2022													2023	
BULAN	OKTOBER				NOVEMBER				DISEMBER			JANUARI			
MINGGU AKTIVITI	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	
Mula mencari maklumat berkaitan dengan tokoh															
Berhubung dengan tokoh mengenai persetujuan dan tarikh wawancara															
Mula mengisi form untuk mendapatkan borang kajian selepas mendapat persetujuan tokoh															
Menyiapkan kertas kerja, soalan serta tugas lain yang berkaitan dengan kajian															
Mendapat persetujuan tarikh dan tempat daripada tokoh															
Sesi temubual tokoh di kampung kediaman beliau bermula															

#### 4.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Rakaman dan wawancara ini mengisahkan tentang pengalaman Puan Che Wan Noorsaidi binti Che Wan Abdul Rahman tentang seni Tarian Saba. Rakaman dan wawancara ini dijalankan di kampung halaman beliau di Kampung Jengal, Dungun, Terengganu pada 28 Januari 2023 pada jam 4 petang hingga 6 petang. Wawancara ini dikendalikan oleh Nuur Athirah binti Abu Hashim dan Nur Arifah Syahadah binti Yusnilzahri. Berikut adalah hasil wawancara yang berjaya dijalankan.

##### **PETUNJUK**

**AS:** NUR ARIFAH SYAHADAH

**NA:** NUUR ATHIRAH

**CWN:** CHE WAN NOORSAIDI

#### PENDAHULUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang tarian. Bersama-sama kami ialah Che Wan Noorsaidi atau lebih dikenali Mak Zah yang merupakan seorang penggiat seni tarian saba. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 28 Januari 2023 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 4 petang bertempat di Kampung Kuala Jengal, Hulu Dungun, Terengganu. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Arifah Syahadah Yusnilzahri dan Nuur Athirah Abu Hashim. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

- AS** : Bolehkah puan nyatakan nama penuh Puan?
- CWN** : Nama saya Che Wan Noorsaidi binti Che Wan Abdul Rahman. Nama timangan Mak Zah.
- AS** : Bilakah Puan dilahirkan?
- CWN** : Lahir dua puluh lapan [28] haribulan 2 [eh] dua [2] haribulan lapan [8] sembilan belas lima puluh sembilan [1959] [2/8/1959]. Enam puluh [60] lebih dah lah.
- AS** : Dimanakah Puan Dilahirkan?
- CWN** : Di Kampung Kuala Jengal ni lah.
- AS** : Oh, dekat sini la?
- CWN** : *Ho [ya]* sini la.
- AS** : Siapakah nama ayah dan ibu Puan?
- CWN** : Nama ayah saya Che Wan Abdul Rahman bin Muhammad dan Nama ibu saya Jaril Fatima binti Abdullah.
- AS** : Berapakah umur ayah dan ibu Puan?
- CWN** : Tarikh dia semasa dia meninggal umur ayah saya lapan puluh [80] tahun dan ibu saya semasa dia meninggal umur tujuh puluh dua tahun [72].
- AS** : Ooooo...
- CWN** : Kira-kira ayah saya meninggal dalam di tahun dia meninggal seribu sembilan ratus sembilan puluh dua [1992] dia meninggal.
- AS** : Oooo... Dah lama dah lah.

- CWN** : Ha [ya] lama dah lah. Ibu saya meninggal tahun dua ribu tujuh belas [2017].
- AS** : **Ketika ayah Puan dengan ibu Puan masih hidup, apakah pekerjaan mereka ataupun beliau?**
- CWN** : Kerja beliau petani orang kampung lah. Buat padi, berkebun, orang kampung, masa duduk kampung jadi infrastruktur jalan *takdop* [tiada] di mana berkebun la.
- AS** : **Berapakah bilangan adik beradik Puan?**
- CWN** : Tujuh [7] orang. Jadi Mak Zah ni yang kedua [ke-2].
- AS** : **Kedua... kiranya ada lagi la adik beradik Mak Zah?**
- CWN** : Ada yang dah meninggal...meninggal sakit buah pinggang la bukan...bukan kemalangan.
- AS** : **Siapakah nama suami Puan?**
- CWN** : Nama suami Samsudin bin Awang.
- AS** : **Apakah pekerjaan suami Puan?**
- CWN** : Suami saya dia buruh am. Dia buruh am dia pergi jadi masa muda dia kerja Singapura. Selepas itu, balik dia macam buat bangunan *tukang* [bertukang] tukang lah, bila habis tu dia buat *blake* [semua] lah...berkebun, buat macam sayur-sayur la.
- AS** : **Puan mempunyai berapa orang anak?**
- CWN** : Saya mempunyai lima [5] orang *anok* [anak]
- AS** : **Apakah nama anak-anak Puan?**
- CWN** : Nama anak saya yang sulung tu Raisyam, yang kedua [ke-2] Rohaisyam, yang ketiga [ke-3] Rohaiza, yang keempat [ke-4] Zaimisyam, yang kelima [ke-5] Zul Khairul Nizam (AS: kira zul-zul semua la) ha [ya] zul zul *blake* [semua]. (Penemu bual dan Mak Zah ketawa).

**AS** : Apakah hobi atau aktiviti yang Puan lakukan pada waktu lapang?

**CWN** : Saya aktiviti saya sambil *eeemende ni* [apa dia ni] bukan aktiviti tu dia macam satu, satu kerja saya, satu *income* [pendapatan] untuk mendapat hasil saya. Saya mengurus orang bersalin, *massage* [mengurut] selepas itu sambil itu saya buat produk macam akar kayu, ubat tradisional (AS: rawatan tradisional...) macam akar kayu, macam herba-herba ini saya gunakan buat makjong, minyak jadikan minyak.

**AS** : Apakah cita-cita Puan?

**CWN** : Kita bila dah umur cita-cita ni *takde* [tiada] dah cita-cita *doh* [dah] cuma *mende* [apa dia] macam Saba ni dikenali oleh sekalian masyarakat di setiap lapisan masyarakat jadi benda ni akan kekal jadi khazanah bukan Mak Zah seorang sahaja yang pegang. Dia kalau boleh ni ada *blake* [semua]. Ada *blake* [semua] la pandai *blake* [semua] lah.

## BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

**AS** : **Dimanakah Puan mendapatkan pendidikan awal?**

**CWN** : Pendidikan akademik sekolah ke pendidikan (AS: aaa...pendidikan) sekolah di Kampung Jengal ni lah, sekolah Kampung Jengal ni, pendidikan awal sampai darjah enam [6] sahaja. *Bila* [apabila] tahun Mak Zah tu dia jalan *tok sampai kang* [tidak sampai kan] jadi bila jalan tidak sampai *kito payoh la nok gi skolah, nok gi jauh* [kita susah la nak pergi sekolah, nak pergi jauh], cuma kita pergi melalui perahu. (AS: kira ikut sungai lah?) ha [ya] ikut sungai, ikut sungai *bende* [apa apa dia] nak pergi ke tu berbulan-bulan la, contoh kalau pergi sekolah nak balik, *payoh* [susah] nak balik, kita duduk masa tu, masa Mok Zah sekolah tu asrama *takdop lagi* [tidak ada lagi], di Dungun tu tidak ada lagi. (AS: Jadi pergi sekolah balik sekolah err...) cuti la, cuti la, itupun kalau pada masa itu duduk di rumah saudara-saudara ataupun sewa rumah di Dungun tu masa zaman Mok Zah lagi, kalau orang itu kata dia apa ni ada waris ke, dia pendapatan yang tinggi, dia boleh la sewa rumah ramai-ramai kejaminan, jamin keselamatan, macam ayah tu nak bagi kita orang perempuan kan.

**AS** : **Apakah pengalaman yang paling diingati oleh Puan semasa berada di sekolah rendah?**

**CWN** : Pengalaman saya pada masa itu musim hujan, saya ingat ingat pengalaman musim hujan pakaian tidak mahu kering, saya pergi sekolah dengan selipar jepun pakai baju bunga-bunga (Penemu bual dan Mok Zah ketawa) tidak ada hujan macam ni (Mok Zah ketawa) dah becak ni *becok* [becak] kan ni ha pergi tu kadang-kadang kasut kita ni kita angkat dulu *sipit* [bimbit] dulu kasut sekolah ni sampai dekat sekolah tu basuh air hujan ni baru boleh pakai dekat sekolah. *Takdop* [Tidak ada] tak boleh nak pakai pakaian khusus uniform sekolah ha itulah yang saya ingat tapi dalam masa sekolah tu saya suka sebab sejak sekolah lagi Mok Zah giat dalam tarian (AS: aaa..daripada kecik) ha [ya] daripada sekolah lagi la macam ayah kita dorong hendak suruh kita menyanyi saya malu nak nyanyi-nyanyi ni, menari-nari ni malu, selepas itu ayah saya penggiat



seni jugak kan, dia suka menari dia ada silat ni haa kena menyanyi kena menari , kalau Hari Ibu dan Bapa balik rumah ni, ayah berlatih pulak suruh kita menyanyi, saya ingat lagi lagu dia beritahu (Mak Zah menyanyi) *pakai baju kecil* (Mok Zah ketawa) suka nyanyi lagu itu. Pengalaman masa kecil lah (Penemu bual dan Mok Zah ketawa).

**AS** : **Masa sekolah rendah dulu apakah subjek kegemaran Mok Zah?**

**CWN** : Saya suka apa benda ni, subjek Sejarah. Ha Sejarah dia panggil apa dah (AS: Sejarah, Sejarah juga) ha saya minat Sejarah, Matematik saya kurang sikit (Mak Zah ketawa) (AS: kena kira-kira) ha kena kira-kira pastu kena (kurang jelas). (Mak Zah ketawa) Sejarah Singapura dan pernah masa Sejarah *Singapore* tu buka *singapore*, S.Sahlan pernah dia, saya pernah berlakon dengan S.Sahlan. Iyalah masa dia buat cerita di sini. Dia nak buat apa *bende* [benda] dokumentari apa yang muka *singapore* tu (AS: masa itu saya dan Athirah takde lagi) ha takde [tiada] lagi masa tu saya buat sini dalam tahun, tahun dua ribu[2000] berapa tak silap. S.Sahlan datang ke sini *shooting* [penggambaran], *saya shooting* [penggambaran] (AS: dia *movie* [filem] ke?) bukan *movie* [filem], dia orang panggil apa benda ni dokumentari. Ku Jaafar, Long apa tu ada *blake* [semua] suami saya berlakon sekali masa itu. Saya ingat lagi masa itu tahun dua ribu [2000] berapa, dua ribu [2000] dua [ribu] brapa tak ingat dah. Sebab dia nak suruh siapa yang pandai perahu, pandai berenang. Selepas itu masa berenang daripada Selat Melaka dengan itu kan.kena berenang Mak Zah berenang la (Mok Zah ketawa) jadi dayak laut (Mak Zah ketawa sambil tutup mulut) (AS: jauh ke Mak Zah berenang) situ je, sungai ni je, ambik tu je pastu dia kata tak nak pakai baju. Dayak orang laut tak pakai baju pakai berkemban je. (Mak Zah ketawa) Mak Zah pakai kemban (Mak Zah dan penemu bual ketawa) rupanya dia ambil zoom jauh selepas itu dekat lagi kan sudah tu dia bagi kita, eh aku tak pakai baju (Mok Zah dan penemu bual ketawa). Tapi tak apa bukan kita tayang kata dia. (AS: pengalaman kan Mak Zah) ha pengalaman apa ni orang seni.

**AS** : **Siapakah guru kegemaran Mak Zah ketika di sekolah rendah?**

**CWN** : Guru saya kena, saya ingat guru Bahasa Melayu lah. Tapi saya dulu

masa Mak Zah nak belajar dulu cikgu tu la Matematik, cikgu tu la Bahasa Malaysia (AS: ooo, sama sekali) ha sekali tapi cuma yang cikgu tu yang ustaz tu lain lah. Saya ingat lagi Mak Umok, nama tak ingat dah, cikgu Usop. Diorang tu cikgu ni kena mari sini sebulan lebih la baru boleh balik (AS: sebab naik perahu) ha [ya] sebab naik perahu.

**AS** : Tahun bilakah Mak Zah menamatkan pelajaran Mak Zah?

**CWN** : Tahun tujuh puluh satu [71] (AS: tujuh puluh satu [71] tahun sembilan belas tujuh puluh satu [1971] ha tujuh puluh dua [72] tu Mak Zah dah mula bergiat, tujuh puluh dua [72] tu Mak Zah menari ni pergi ke pesta pantai, tahun tujuh puluh dua [72] Mak Zah jadi penari (AS: *start* [mula] jadi penari dah] ha tahun tujuh puluh dua [72] masa itu Pesta Pembangunan Dungun. Pesta pembangunan masa itu Tun Abdul Razak jadi Perdana Menteri, dia pergi melawat Pentas Pembangunan orang panggil nak membangun Dungun. Tahun tujuh puluh dua [72] lah Mak zah *start* [mula] menari (Mak Zah ketawa) (AS: kira daripada kecil lagi la) ha, Tarian Saba ni lah..ha *mende* (apa dia) tahun, umur tiga belas [13] tahun. Umur tiga belas [13] tahun, tahun tujuh puluh dua [72] tu Mak Zah menari sampailah sekarang ini, memang lama lah. Awak berapa? tak lahir-lahir lagi (AS: kitorang tak lahir lagi waktu itu) ha [ya], *takdop* [tidak ada] pun lagi (Mak Zah dan penemu Bual ketawa), tak ada nuh pun lagi.

### BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL

**AS** : **Sebelum Mak Zah bergiat dalam Tarian Saba ni, apa pekerjaan awal Mak Zah?**

**CWN** : Pekerjaan Awal Mak Zah masa umur Mak Zah ni kerja macam kedai makan, dekat kedai makan tu, bila Mak Zah kahwin awal, kalau masa dalam kahwin pun Mak Zah giat jugak dalam tu cuma bila *pregnant* [mengandung] je, Mak Zah berhenti buat persembahan, kerja macam-macam, tukang masak lah, kerja kedai lepas itu masuk ladang lepas itu bila ayah kita ni, buat herba-herba ni kan, Mak Zah *nulung* [membantu] diorang buat herba ni sampai lah bila dia meninggalkan Mak Zah sambung lagi lepastu masa Mak Zah dapat *massage* [mengurut] ni Mak Zah pergi kursus, kursus *massage* [mengurut], aromaterapi *level satu*[1], *level dua* [2], *level tiga* [3] [tahap satu [1], tahap dua [2], tahap tiga [3] tapi Mak Zah tu macam kata Mak Zah ngurut ni *dok* [kan], ngurut ni Mak Zah ada asas *dok* [tiada], Mok Zah sambut *baby* [bayi] (AS: bidan kan) ha [ya] bidan lah, bila dah kepandaian ni ada hok [yang] *tengah* [tengah] bahagian pembangunan luar bandar dia cari nak bagi ilmu lah, dia pergi hantar kursus, kursus *test* [uji] minda, macam mana kita nak membangun diri kita, bukan nak bangun orang (Mak Zah ketawa) *test* [uji] minda ni kita nak membangunkan diri kita sendiri macam kita ada *mende* [apa dia], kepandaian kita ada, apa yang tu, aktiviti yang kita boleh buat, macam kalau kita kebun, komersial lah kebun tu, ha kalau kita ada *mende* [apa benda] ni ada kepandaian, jari jemari yang tuhan bagi selain daripada menulis ada benda lain yang kita buat *dok* [tak] ajar mengurut, ha gitu la *test* [uji] minda.

**AS** : **Berapakah umur Mak Zah ketika Mak Zah memulakan pekerjaan awal?**

**CWN** : Umur Mak Zah masa pekerjaan awal Mak Zah pergi kebun tu masa umur Mak Zah dua puluh [20] *gini* [begini] dua puluh lima [25], dua puluh lima [25] tahun Mok Zah masak, masak kedai jadi tukang masak lah, restoran tukang masak sini ha, kerja-kerja selepas itu sambil itu Mak Zah berkebun, masuk ladang, tahun sembilan belas [19], seribu

sembilan ratus sembilan puluh lima [1995] Mak Zah *start* [mula] mengajar di kebudayaan Dungun. Apa benda dia panggil berkuasa Kebudayaan Mahkota *start* [mula] mengajar ni la bila ayah meninggal kan, bila ayah meninggal tahun sembilan belas sembilan puluh dua [1992], sembilan puluh lima [95] Mak Zah *start* [mula] ambil alih (AS: tarian Saba ni) ha [ya], Tarian Saba ni, alih selepas itu *gak* [juga] Mak Zah pun kira lagu-lagu tu Mak Zah susun, susun lirik buat sendiri biar kena dengan tema lagu itu, macam lakonan Burung Baniong, apa kerja anak burung baniong tu, cuma dia turun anak burung baniong tu nak bagi keselamatan dan kesejahteraan tempat, jadi Mak Zah susun lah. Mak Zah susun lagu tu. Masa ayah buat tu diorang tak susun sebab dia buat dia macam ayah kita menyanyi tu buat selingan, bila Mak Zah buat ni, Mak Zah buat *full* [penuh] kan, nak lagu ni, nak lagu ni. Kadang-kadang atas satu pentas tu Tarian Saba sahaja, berapa lagu tiga [3] ke empat [4] lagu. Asal Tarian Saba ni ada tiga puluh enam [36] lagu.

**AS : Berapa banyak pekerjaan yang Mak Zah lakukan sebelum Mak Zah bergiat aktif dalam atarian Saba?**

**CWN :** Mak Zah tu lah, mengurus orang beranak, buat herba. Selepas itu, Mak Zah kerja ladang, kedai, kedai makan lah. (AS: dalam empat lima kerja la?) ha [ya] itu lah.

**AS : Mengapa Mak Zah memilih pekerjaan awal tersebut?**

**CWN :** Pekerjaan awal, pekerjaan awal ni kita nak ambil (AS: yang tadi lah macam kebun tu ke..) ha tu menjana ekonomi kita lah. Ha macam mana kalau orang bandar kerja kilang kan. Macam kita kampung ni, takde [tiada] sumber begitu takde pendapatan lah.

**AS : Berapa lama tempoh pekerjaan awal Mak Zah?**

**CWN :** Mak Zah kerja macam ni, daripada umur Mak Zah tu kahwin, dua puluh lima [25] tahun sampailah Mak Zah berhenti beranak ni kan, bila berhenti, berhenti bersalin je la tak bekerja. Selepas bersalin anak besar tu, kita cari lah kerja sampai umur Mak Zah, Mak Zah beranak yang bongsu anak Mak Zah tadi tu, umur dua puluh sembilan [29] tahun Mak

Zah... yang bongsu. Selepas itu, Mak Zah, selepas tu sampai sekarang Mak Zah boleh lah kerja. Boleh nak bekerja kemana pun, macam kata orang ada menda [benda] ni, orang buat apa orang panggil katering ni, orang panggil kita untuk masak.

**AS** : **Berapakah gaji pekerjaan awal yang Mak Zah terima?**

**CWN** : Mak Zah ingat lagi gaji Mak Zah masa tu sepuluh ringgit [RM10] sehari. Untuk kerja macam kerja ladang pun, bukan sehari lah. kita kerja pun sampai pukul dua [2] kan? ha dia bagi sepuluh ringgit [RM10] je. dulu laa zaman dulu. kedai pun sepuluh ringgit [RM10], sepuluh ringgit [RM10] jugak sehari. boleh kita tubik [keluar] balik awal lah. Tak sebab kita ada anak kan, tak boleh kerja sampai petang. Malam pun tak pernah kerja malam. (AS: dulu nilai sepuluh ringgit [RM10] tu, nilai sepuluh ringgit [RM10] tinggi). Kira ini juga laa.. macam tinggi jugalah sepuluh ringgit [RM10] tu. Masa tu tinggi sepuluh ringgit [RM10].

**AS** : **Mak Zah ingat lagi rakan sekerja yang Mak Zah rapat ketika Mak Zah bekerja dulu?**

**CWN** : Ingat tapi diorang tu tak aktif dah bila umur begini kan. Diorang jadi nenek, Mak Zah pun jadi nenek juga. Jarang boleh jumpa (Mak Zah ketawa). Mak Zah ingat lagi lah tapi diorang ni kata *menda* [benda] ni, yela kalau minda dah tak terbuka kan, dia rasa dia tua (Mak Zah ketawa) jadi dia tak aktif. Dimana ingat ada yang meninggal pun ada. Yang pergi jauh kalau yang macam tidak ada ini ikut anak jaga cucu dia dekat KL (Kuala Lumpur) mana ha.

**AS** : **Adakah Mak Zah masih berhubung dengan rakan sekerja Mak Zah?**

**CWN** : Masih berhubung lagi. Kadang-kadang saya pergi melawat dia, sebab dia apa benda ni dia punya kencing manis la *kot* [agaknye] ha kencing manis la tu. Ha benda ni kadang-kadang Mok Zah ni boleh *drive* [memandu] kan, boleh *drive* {memandu} diorang tak boleh *drive* [memandu] kan. ha kita macam kata nak pergi mana-mana panggil Mak Zah la pergi. Macam hubungan sama-sama tu okay lagi la.

**AS** : **Mak Zah ingat lagi tak siapa nama kawan-kawan Mak Zah?**

**CWN** : Ingat, benda ni. Zainab, benda ni apa nama dia ni... tu potong dah tangan ni. Yang tu potong kaki, apa nama ni orang panggil. Dia panggil apa dia, saya panggil Long, Long kembang. Panggil apa dah tak ingat dah. Saya tak ingat nama dia. Pastu yang nama Aminah tu mati dah. Kita sama-sama pagi-pagi turun tu naik apa ni naik *hilux*.. naik apa ni orang hantar ke ladang.

**AS** : **Adakah Mak Zah berpuas hati dengan pekerjaan awal Mak Zah?**

**CWN** : Saya puas hati, saya puas hati kerja apa yang dapat tu saya puas hati. Mak Zah boleh buat kerja *blake* [semua]. Kita pergi kebun masa kita ada kontrak menanam getah, kita ambil kontrak tu tanam tapi kita tak boleh pilih kerja la gaji mahal murah nya. Bila kita tak pilih kan, rezeki Tuhan bagi dekat tu mungkin Tuhan akan bagi banyak lagi.

#### BAHAGIAN 4: PENGLIBATAN AWAL TOKOH DALAM PERSEMBAHAN SABA

**AS** : **Bilakah Mak Zah mula bergiat aktif dalam Seni Tarian Saba?**

**CWN** : Masa tahun tujuh puluh dua [72]. Masa umur tiga belas tahun [13] tahun sebagai penari. Bila tahun sembilan puluh [90] bila ayah saya meninggal, tahun sembilan puluh lima [95], seribu sembilan ratus sembilan puluh lima [1995] Mak Zah ambil alih sebagai juru tari dan sekaligus bila ada persembahan tu, Mak Zah masuk sekali. Sekali dengan buat persembahan. Dimana buat bawa pergi Kelantan ke masa saya pergi Kelantan, masa saya pergi Kelantan tu masa tu Joh Awang ada lagi. Mak Yong tu la. Saya pernah buat di kelantan. Ha buat persembahan di kelantan. Mak yong tu, zaim Aziz masa tu dipanggil penggiat seni ada buat, dia panggil apa dia di kelantan tu la di gelanggang seni. (AS: ha... gelanggang seni) ha [ya] gelanggang seni. Pernah la sekali dengan dia, pastu Mak Zah pergi pula ke Tumpat, kat Tumpat tu masa tu, masa tu mati dah. Dia masa dia nak jadi pegawai kebudayaan, Cik Seri Niboh tu selalu datang sini buat tesis. Dia nak tau pasal Saba ni banyak berkaitan dengan makhluk halus kan, dewa-dewa. Bila dia punya apa lagu ni benda ni, Saba ni cerita dia antara dunia ghaib, alam ghaib dengan alam nyata. Dia selalu pergi, dia bukan Islam, dia Buddha.

**AS** : **Bagaimanakah Mak Zah boleh terlibat dalam persembahan Saba?**

**CWN** : Terlibat ni begini, mula asal bila ayah saya meninggal, ayah saya meninggal, semua-semua lagu-lagu dia tu diorang ambil alih. Diorang [mereka] ambil *content* [maklumat] diorang kata yang dia. Macam lagu Anak Burung Baniong, lagu Anak Adang, lagu-lagu tu diorang buat siar dalam, kenapa pulak kita ni? lagu ayah saya ni. Jadi yang orang Persatuan Dungun ni cari Mak Zah. Dia kata salah katanya. Ni sebab orang ni apa dia ni orang dia hidup lagi orang yang ada pewaris lagi. Selepas itu, generasi dia ada lagi. Selepas itu, Pegawai Kebudayaan Terengganu tu, datang dekat Mak Zah, dia kata malam ni awak kena menyanyi dekat satu tempat ni. Nyanyi apa pulak ni? Mak Zah ni tak tau apa nak buat kata. Ni alat muzik ni kena main la ni kan. Ni alat muzik Saba ni. Mak Zak pun *gesek* [gosok] tu bunyi nyanyi la memang kena

nyanyi la. Mujur boleh (Mak Zah dan penemu bual ketawa). Sebab masa tu Mak Zah tak buat lirik lagi. Ha... tak buat lirik lagi (AS: kira spontan gitu la) ha [ya] Mak Zah ingat spontan gitu kita susun-susun spontan gitu sebab kita tahu tujuan Saba ni bagi lagu dia kesejahteraan tempat macam (Mak Zah menyanyi). Jadi itu lagu Anak Burung Baniong minta rakyat kita sihat sejahtera. Dia minta macam itu, bukan kita berubatnya satu orang tu. Cuma ubat juga tu panggilkan doa tu.

**AS** : **Siapakah yang memberi tunjuk ajar kepada Mak Zah dalam mempersembahkan persembahan Saba?**

**CWN** : Persembahan tu begini, daripada awalnya kita buat persembahan pentas, persembahan macam semua tu tari. Selepas itu, Mak Zah ni kena apa tu cari idea sendiri lah, cari langkah sendiri. Kata *step* [langkah] tu macam lagu nak ajar budak-budak ni lah. Benda menyusun sembah gerigit jari sepuluh (Mak Zah menunjuk langkah tarian). Tarian tu Mak Zah kena fikir sendiri buat sendiri cuma gerak tari tu, gerak tari asal tu lah, kita ikut gerak tari lama ayah kita. Selepas itu, Mak Zah kena ubah sikit gerak tari. Kena tambah sikit lagi macam (Mak Zah menunjukkan langkah tarian) itulah apa dia punya gerak tari-gerak tari dia.

**AS** : **Siapakah yang memberi dorongan kepada Mak Zah untuk menceburi tarian persembahan Saba?**

**CWN** : Yang memberi dorongan kita tengok selain daripada ayah dulu kan, kita tengok daripada satu agensi-agensi lah seperti muzium ke, penggiat-penggiat seni lain, ke daripada jabatan-jabatan itu. Diorang ni bila ada ni diorang nak ketengahkan, bila nak diketengahkan diorang cari Mak Zah la. Jadi Mak Zah kene bersedia benda yang, benda yang ada dalam Mak Zah di badan di tubuh ni dalam ilmu Mak Zah ni, Mak zah kena bersedia untuk orang nak, nak mengeluarkan benda produk ni la. ha.. tapi kalau orang tak cari, tiada apa ni, tak tu juga. Kita nak buat persembahan macam mana kan. Permintaan sekolah, permintaan UiTM, permintaan ni apa ni, permintaan di Politeknik ni. Ni diorang [mereka] nak buat Persembahan Pertukaran Budaya ke Indonesia. Mak Zah kena sediakan pakaian. Pakaian tu asalnya Mak Zah buat sendiri (AS: Mak Zah *design* [reka] sendiri ke?) ha [ya], *design* [reka] tu *design* [reka] ala



puteri. Warna dia kuning hijau, dia ada kain layangnya. (AS: jahit sendiri ke?) ha [ya], jahit sendiri, beli sendiri. Kalau tujuh helai, tujuh lah, kalau lapan lapan lah dengan pakaian itunya. Mak Zah macam ade tempahan kan tempahan orang bagi, dapat duit sikit jadi kita buat baju *show* [persembahan] mana-mana kan. Haa, ada hari apa hari keluarga ke, diorang bagi la. Hari satu Malaysia ke, haa, orang bagi la kita. Selepas tu kita buat la beli selendang.

**AS** : **Siapakah idola Mak Zah dalam Seni Tarian Saba?**

**CWN** : Idola Mak Zah ayah Mak Zah lah. Sebab orang lain tak tahu. Ha, tak tau. Macam adik-beradik Mak Zah ni kan, dia tau benda ni tapi dia klasik sangat pula bila Mak Zah menyanyi, selepas itu bila Mak Zah buat persembahan dia tidak *kaba* [sedar]. Dia pernah la buat apa benda, buat ritual kan kalau orang datang daripada mana ni? saya daripada sekian nak buat ritual. Kita kena buat ritual la. Dia nak betul pokok Saba ritual, nak tu nak buat alat perubatan ni. Dia panggil ritual Saba. Mak Zah kena buat tu. Selepas tu, bila kena buat ritual begitu kan, kita tak panggil orang lain, kita tak boleh panggil orang lain nak buat ritual tu sebab diorang tak tau. Bila kita ambil adik kita, dia jadi orang tu apa dia ni, nampak macam tak sedar pula. Macam diorang [mereka] macam orang kata sungguh *teri* [puteri]. Tak pernah tengok kan? (Mak zah menunjukkan video persembahan ritual).

**AS** : **Apa beza ritual tarian Saba dengan Tarian Saba ni Mak Zah?**

**CWN** : Ritual Tarian Saba ni dia asal perubatan. Bila kita buat ritual Saba ni ambil lagu, peralatan tu berubat macam sakit. Bila tarian Saba ni dia ada tarian sahaja. Dia tiada ritual, semua mantera lain lah. (AS: lagu dia tetap sama?) lagu lenggok sama, tapi dia punya apa ni, dia punya mantera tu lain ha. (Mok zah menunjukkan video dan lagu tarian Saba). Ha.. ritual la ni.

**AS** : **Adakah penglibatan Mak Zah dalam Seni Tarian Saba ini berkait dengan generasi keluarga Mak Zah?**

**CWN** : Sepatutnya begitu la tapi oleh kerana diorang ni macam kurang, tak [tidak] minat, tak [tidak] minat. Bila tak [tidak] minat benda tu tak [tidak]

menjadi terpaksa lah Mak Zah ni mengajar bahagian Kebudayaan Dungun. Pergi duduk Dungun bertahun-tahun, lima enam tahun duduk dekat Dungun tak boleh-boleh nak nyanyi. Tak boleh nak menyanyi lagu macam Mak Zah ni. Ada seorang boleh. Saya rasa terpaksa mengajar bertahun-tahun dah seorang menyanyi. Selepas itu saya di taman budaya ni, ada boleh tapi diorang kena tengok ni (AS: tengok lirik) ha [ya] tengok lirik. Mak Zah menyanyi tak tengok lirik. (Mak Zah dan penemu bual ketawa). Selepas itu, dia punya permainan alat muzik ni tak [tidak] menjadi lagi, tak [tidak] main lagi.

**AS** : **Mak Zah adalah generasi yang keberapa dalam keluarga yang mewarisi Seni Tarian Saba?**

**CWN** : Yang kesembilan [ke-9]. (AS: kira daripada dulu lagi la?) haa [ya] daripada Che Mek Comot tahun lapan belas [18] dulu. Orang yang buka Kampung Jengal ni. Orang yang buka Kampung Jengal ni daripada ahli keluarga saya la. Keturunan Mak Zah la Tuan Ali ni. Jadi Tuan Ali tu generasi yang ke sembilan [ke-9]. Jadi orang yang dia bawa sekali tu kan Kampung Jengal ni tahun dia mari tahu lapan belas [18]. Tahun tujuh belas lapan belas [1718] yang daripada Johor, keturunan Bendahara. Masa tu perang Sultan Mahmud Megat dijulung, lari-lari tinggal Pahang, tinggal sana. Mengadap Raja Dungun, Sultan Terengganu [Sultan Zainal Abidin I]. Sultan Terengganu [Sultan Zainal Abidin I] tu masa tu Sultan pertama. Baginda bertitah, awak pergi la masuk ke Dungun. Sebab kawasan tu dulu-dulu raja sudah ada, kawasan ni je rasa tiada raja lagi. Jadi kami ni keturunan Kuala Jengal ni Che Wan tu la. Keturunan tu, dia bawa anak dua orang bini dia nama Che Wan siti Nuri, anak dua orang Tunku Khamis dan Tungku Kamarudin. Kubur dia ada lagi kat situ. Dekat Kampung Surau.

**AS** : **Sepanjang keterlibatan Mak Zah dalam Seni Tarian Saba apakah kenangan terindah yang pernah Mak Zah pernah lalui?**

**CWN** : Saya macam kata saya ni kalau banyak kita buat persembahan di KL (Kuala Lumpur), di *Beautiful* Terengganu. Selepas itu saya pernah mengajar di Sutra Terengganu tu kan. Selepas itu, saya dapat Anugerah Tokoh Negeri Terengganu tahun lima belas [15] dua ribu lima belas

[2015]. Yang pasal dua ribu tiga belas [2013] tu Mak Zah dicalonkan, selepas itu dua ribu lima belas [2015] tu Mak Zah dapat la Anugerah Tokoh tu. Selepas itu di Muzium Kuala Lumpur satu diberi tokoh tahun dua ribu [2000] Muzium Kuala Lumpur. Selepas itu Muzium terengganu Mak Zah dapat tiga kali lah. Muzium Terengganu ni dua ribu lapan belas [2018] dapat Anugerah Tokoh Seni Bahagian Daerah lah. (AS: kiranya dua [2] dekat Terengganu satu [1] dekat Kuala Lumpur).ha ha ha [ya], tapi cuma Mak Zah ni begini la, dia macam kata orang buat apa benda metodologi apa tak tahu daripada seluruh negeri dia buat metodologi. Metodologi ke orang panggil? Mak Zah pernah jadi penceramah lah. (penemu mual dan Mak Zah ketawa).

**AS** : **Bolehkah Mak Zah menceritakan serba sedikit berkaitan Seni Tarian Saba?**

**CWN** : Tarian Saba ni asal dia daripada perubatan untuk zaman-zaman dulu, zaman datuk nenek Mak Zah dulu kan. Zaman nama-nama apa dia, Che Mek Comot. Dulu diorang percaya terkena teguran dengan makhluk halus. Bila dah jadi begitu, keluarlah satu bomoh ni meminta pertolongan daripada makhluk-makhluk halus tu lah. Bila dah sampai generasi ke generasi, benda tu akan berubah kan. Sampai generasi ayah saya berubat lagi dengan Saba ni. Mak Zah pernah tengok lah dia buat. Bila zaman generasi Mak Zah ni takkan lah nak berubat macam tu lagi kan? Pada masa itu, kita ambil inisiatif lagu, masa tu bapak saudara saya ini bahagian Persatuan Sejarah Dungun ni lah. Macam mana kita gunakan Saba ni sebab benda ni tak boleh buat sembarangan sebab dia dewa. Dia jenis memanggilkan. Memuja, jadi lagu tu memuja. Macam mana kalau kita buat benda ni kita jadikan tarian. Masa itu la ciptanya tari. Selepas itu, kita tak boleh buang dia punya lagu, lenggok tak boleh buang, senikata dia kita boleh ubah. Kita aa.. benda ni kita kata kita, kemian tu kita tak boleh main. Selepas itu, saya buat lah, buat persembahan sampai generasi Mak Zah ni, tarian sahaja dan pakaian sahaja. Kostum dia dulu tak pakai baju. (AS: lelaki dengan perempuan?) tak, dia pakai berkemban je, ala-ala puteri macam kata dulu Anak Burung Baniong, lagu Anak Burung Baniong ke Anak Tedung ke dia nyanyi. Dia nyanyi sahaja ada yang tak sedar tu yang tak *kaba* [sedar] tu. Macam

main *teri* [puteri] tu kan. Selepas itu, bila generasi Mak Zah buat ni kita nyatakan puteri tu. Selepas itu kita gunakan lenggok dia. Jadi turun berubat la. Macam lagu Anak Udang, nyatakan lenggok Anak Udang tu. Macam Nong Sakti, Anak Tedung, pastu Anak Tedung tu kita buat gerak sendiri tari. (Mak Zah ingin menunjukkan lagu Anak Tedung tapi Mak Zah tidak menjumpai video tersebut).

**AS : Apa pendapat Mak Zah tentang Seni Tarian Saba?**

**CWN :** Pendapat Mak zah dalam Seni Tarian Saba ni, kalau kita pandang daripada gerak tari dulu kan memang orang tak suka. Bila sampai ke buat tarian ni saya rasa macam tiada aliran kalau kita masa saya buat mengajar tu, ikut tempo dia, sekarang ni tak ikut tempo, gitu je. Kalau benda ni kalau Mak Zah ajar boleh dia ikut tapi bila dia apa dia *content* [kandungan]. gerak tari tu dia *content* [kandungan]. Biasalah orang zaman sekarang kan.

**AS : Adakah terdapat alat Muzik dalam Seni Tarian Saba?**

**CWN :** Alat Muzik yang tak boleh tinggal macam anak umbang, gendang, gong. gendang ibu, gendang anak, anak umbang. (AS: anak umbang tu macam mana Mak Zah?) tu. (Mak Zah menunjukkan alat muzik didinding rumahnya). (AS: dia diperbuat daripada buluhke?) ha [ya], buluh la. Mak Zah pernah buat bengkel, bengkel buat alat Muzik ni. (Mak Zah menunjukkan alat Muzik yang dibuat oleh UMT). Saya pernah buat bengkel untuk alat tradisional saba. (AS: Mak Zah buat sendiri la?). Ha [ya], Mak Zah buat sendiri la. Masa saya pernah buat persembahan di apa benda nama dia saya tak ingat. Dekat istana ni, di Tanjung Sabtu yang Raja-Raja, kita buat persembahan situ, mat-mat saleh nak tengok. Sekali dia amik ni nak bawa balik. (AS: Macam mana cara main dia Mak Zah?) (Mak Zah menunjukkan cara bermain anak umbang).

**AS : Berapa lamakah tempoh waktu yang diambil untuk mahir dalam Seni Tarian Saba?**

**CWN :** Mak Zah ke budak yang menyertai? (AS: untuk pelajar). Untuk pelajar ni kena tengok atas otak dia. kalau saya mengajar dia ambil sama *level* [tahap] kadang-kadang budak ni dia nampak dia boleh, tapi

kadang-kadang dia susah nak ingat. Mungkin benda tu tak sampai ke hati lagi. Tiada menurunlah orang panggil tu kalau tengok dan dengar Mak Zah nyanyi lagu apa, lagu Canggung macam mana macam mana? dia terlupa kalau boleh tu saya mengajar di Taman Budaya tu lima [5] tahun, sampai sekarang ni lima tahun dah. Sekarang ni umur enam puluh lebih tak boleh masuk dah. Cuma sambilan ni budak tu, pastu kalau kata eh lima tahun la Mak Zah mengajar, tapi tak boleh-boleh lagi lagu sebab diorang [mereka] penari bukan penyanyi. Tapi bila diorang ambil diorang baskerkan. Bila dia dapat lagu Mak Zah, lagu Mak Zah susah. Katanya pengarah itu siapa yang menyanyi lagi Mak Zah, Mak zah kata pewaris-pewaris lah dapat. Bila saya buat saya mengajar kata HQ tu bila dengar Mak Zah menyanyi meremang bulu roma. Bila anak murid dia aku lentok lah, tak nak dengar dah aku tidur je. (Mak Zah menyanyi) sesetengah orang buat jadi dikir, dia tak boleh nak amik lenggok. Mak Zah buang la ekor tu sikit. Sudah jugalah budak ni nak terima. Jarang budak yang boleh. Bila di nak buat tu dia fokus. Kita buat selang mengajar seminggu sekali. Minggu depan tak ingat dah. Lagu apa benda tak tau dah. Dia punya lenggok tu dia tak ingat dah.

- AS** : **Bagaimanakah Seni Tarian Saba dimainkan?**
- CWN** : Tarian Saba macam persembahan pentas, keraian, tapi sekarang dah tak boleh buat persembahan dah, kena buat dekat dewan je lah. kalau kita nak buat kita punya persembahan semua perempuan. saya pernah buat di Hari Wanita bahagian kebudayaan.
- AS** : **Adakah Seni Tarian Saba mempunyai seragam atau pakaian yang khusus?**
- CWN** : Ya.
- AS** : **Berapakah peringkat umur yang dibolehkan untuk menonton atau menyertai persembahan Tarian Saba?**
- CWN** : Semua peringkat boleh. Terbuka untuk umum.
- AS** : **Berapa lamakah tempoh masa yang diambil untuk mempersembahkan Seni Persembahan Saba?**

- CWN** : Dia bagi masa dah. Kalau dia bagi tiga puluh [30] minit, kita buat la tiga puluh [30] minit. Kalau dia kata pentas ni kita nak dua lagu je, kita buat dua lagu. Tapi kalau kita nak buat tarian kita, saya kena sepuluh lagu. Untuk tekankan lagi Tarian Saba.
- AS** : **Apakah kriteria yang diperlukan untuk menyertai Seni Tarian Saba?**
- CWN** : Tak mahu lah bentuk badan dia terlalu besar. Sebab susah untuk dapatkan pakaian. Hitam putih tak kisah, cuma jangan sembarangan bentuk badan sebab susah juga Mak Zah nak buat pakaian.
- AS** : **Adakah lagu dalam Seni Tarian Saba mempunyai kisah yang tersendiri?**
- CWN** : Ya, dia ada kisah tersendiri. Lagu Anak Burung Baniong tu untuk kesejahteraan tempat, negeri dan negara. kalau lagu Anak Tedung ni mengeluarkan bisa yang ada. Selepas itu, lagu Awang Kasim Gila ni untuk orang gila. Lagu Nong Sakti macam dia nak berubat macam sakit luaran.
- AS** : **Adakah Seni Tarian Saba dikhususkan untuk wanita sahaja atau boleh disertai oleh lelaki dan wanita?**
- CWN** : Dia boleh semua lah. Untuk persembahan boleh lelaki dan perempuan sebab macam lagu Awang Kasim Gila, dia nak peserta laki-laki, Nama Kasim.
- AS** : **Adakah Mak Zah pernah mengadakan seminar atau bengkel mengenai Tarian Saba?**
- CWN** : Pernah ada. Saya pernah buat di UiTM, saya buat di Politeknik. Selepas itu di UiTM dua kali dah saya buat. Bengkel untuk persembahan Saba ni lah. Sebab semua UiTM di daerah ni berkumpul di Dungun.

## BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN TOKOH

- AS** : **Apakah pencapaian terbaik yang pernah Mak Zah capai?**
- CWN** : Tahun dua ribu sembilan belas [2019] Mak Zah pergi, sebelum PKP Mak Zah pergi Indonesia. Pada tahun sebelum Terengganu menggunakan peraturan syariah, selalulah Mak Zah pergi buat *show* [persembahan] mana-mana ni. Tapi bila peraturan syariah ni jarang-jarang Mak Zah boleh buat tapi baru ni Mak Zah buat di Kuala Berang rasanya. Kebanyakan buat *shooting* [rakaman] kadang-kadang dekat rumah ni je. Kadang buat jauh *nu* [sana] tapi kalau kita nak buat dekat luar takpe [tidak mengapa] lah kan, Terengganu je tak boleh buat sama macam Kelantan. Mak Zah pun mengajar dalam studio je lah tiada penonton, ada penonton kalau dijemput.
- AS** : **Apakah pencapaian yang paling diingati oleh Mak Zah dalam Seni Tarian Saba?**
- CWN** : Saya pergi ke Indonesia. Saya buat persembahan dekat sana dengan *set-set* [rakan] Terengganu. Bila orang panggil, dia pakai sajak, teater di Indonesia, di Jogjakarta ni. Buat lagu ni, diorang [mereka] suka lagu dewa-dewa jadi nyanyi lagu dewa lah. Lagu dewa, lagu anak tedung. Tapi Mak Zah buat ni dekat tempat awam la. Macam teater tu dia buat atas pentas, pentas dia. Di bahagian Mak Zah ni kan buat tempat awam. Habis la menari, semua orang tengok lah.
- AS** : **Sepanjang Mak Zah bergiat aktif dalam persembahan Seni Tarian Saba ini apakah momen yang paling dibanggakan oleh Mak Zah?**
- CWN** : Mak Zah pergi persembahan di Terengganu, di Kuala Lumpur tu. Anugerah Khas tu Mak Zah naik pentas sekali dan dapat Anugerah Tokoh. Bila Mak Zah berdiri disitu walaupun Mak Zah ni kecil tapi aku rasa besar [bangga]. Biasalah kita bila atas pentas tu orang tengok lah apa kan, jadi besar [bangga] la sikit kita. Kalau Mak Zah pergi jamuan makan tu, meja ni nama Mak Zah tertera dekat situ. *Pastu* [Kemudian] semeja tu tujuh orang jadi Mak Zah bawa tujuh orang.
- AS** : **Adakah Mak Zah pernah mengalami pencapaian yang kurang**

### **memuaskan sepanjang berkecimpung dalam Seni Tarian Saba?**

- CWN** : Ada. Mak Zah di jemput diorang baca puisi. Selepas itu, diorang suruh Mak Zah bawa budak-budak ni buat Tarian Saba. Apa dia bagi *hamper* dan ucapan terima kasih. (Mak Zah Ketawa). Itu je [sahaja]. Dah minyak kereta habis, bawa budak lagi. Tak banyak mana Mak Zah, kita nak suruh bawa satu lagu je [sahaja]. Satu kali tu Mak Zah buat persembahan di Pangkor. Pulau Pangkor. Masa tu saya tak [tidak] kenal orang panggil, macam ni, kita nak orang nyanyi lagu terengganu nak Mak Zah pergi ke Pangkor. Jadi Mak Zah pergi la Pangkor, sampai-sampai nama Mak Zah dah ada la dekat situ. Selepas itu, Mak Zah cari orang ni tapi Mak Zah tak tau nak cari siapa. Mak Zah tak kenal, dia jadi MC. Nak kenal jugak orang ni. Pastu sampai sana memang kita dijanji dibayar, tapi ramai yang tak tahu bayaran apa. Bayaran untuk kita kene dibayar minyak kereta, tambang bas. Sampai sana Mak Zah dah bedebar jugak ni pastu [kemudian] berjumpa dengan rakan seni. Kita tiada bayar-bayar pun. Selepas itu, kawan saya kata ada bayaran tapi kena pergi sana. Tunjuk kita punya nama sebab dia ada senarai nama. Tapi masalah yang dihadapi kalau macam program ni adalah bayaran. Kita tak tau nk cari orang yang mana. Itu la pengalamannya bayaran susah nak bayar.
- AS** : **Apakah sumbangan yang pernah Mak Zah sumbangkan kepada masyarakat?**
- CWN** : Saya beri pakaian dekat sekolah. Kalau kata sekolah tu nak buat Tarian Saba kan, Mak Zah bagi la dua persalinan, dengan bajunya. kalau nak budak-budak awak boleh simpan baju tu. Mak Zah bagi sahaja, Mak Zah buat sendiri ni.
- AS** : **Pada pendapat Mak Zah apakah sumbangan Seni tarian Saba dikalangan masyarakat, individu dan negara?**
- CWN** : Kalau masyarakat dengan negara tu dia lebih ke arah negara. Individu ni boleh dikatakan kalau tak nak amik Tarian Saba ni, sebab dia atas bayaran diorang [mereka] tak sanggup. Diorang [mereka] tak berminat tapi bila ada Tarian Saba ni suka je diorang [mereka] tengok. Kadang orang faham lah.



- AS** : **Adakah Mak Zah ada membuat sumbagan-sumbangan yang lain?**
- CWN** : Sumbangan lain saya pergi mengajar dekat sekolah menengah dulu saya mengajar tapi guru besar cakap saya tak mampu nak bagi, nak minta Mak Zah buat sumbangan. Saya mengajar di Sekolah Menengah sebelum PKP lah. Saya pernah buat di Kampung Jengal ni, tapi ramai orang takut. Diorang [mereka] pandang benda ni berhantu lagi.
- AS** : **Apakah pengorbanan yang dilakukan oleh Mak Zah semasa berkecimpung dalam Seni Tarian Saba?**
- CWN** : Pengorbanan saya ni, saya tak kira ada duit tiada duit saya akan pergi mengajar, saya kan pergi membuat persembahan dekat mana-mana pun.

## BAHAGIAN 6: HARAPAN DAN NASIHAT

- AS** : Apakah harapan Mak Zah berkaitan tentang Seni Tarian Saba?
- CWN** : Harapan Mak Zah kalau saya tiada pun, yang mana-mana yang Mak Zah ajar, Mak Zah rasa biarlah budak ni mungkin boleh kata perbezaan tu lain lah, macam Mak Zah, sembah dia, dia buat persembahan dia punya jadi lain. Saya rasa-rasa benda tu ada la, Bila sebut pasal Saba, ini lagi Saba. nak ada macam tu lah.
- AS** : Masih adakah hasrat yang belum dicapai oleh Mak Zah dalam mengembangkan Seni Tarian Saba?
- CWN** : Hasrat Mak Zah ni kalau boleh generasi-generasi akan datang terutamanya bahagian jenis penggiat seni kalau dia nak buat Saba ni biar benda tu sama.
- AS** : Apakah kekuatan Mak Zah untuk meneruskan harapan yang Mak Zah inginkan?
- CWN** : Kekuatan saya macam jangan berkira sngat la. kita jangan berkira sangat atas dia punya payment tu.
- AS** : Apakah nasihat Mak Zah terhadap bakal anak seni yang ingin berkecimpung dalam Seni Tarian Saba?
- CWN** : Saya nasihatkan ikutlah saluran yang betul. kalau seni tu benda tu begitu, macam Mak Yong tu begitu, Dikir tu begitu, kena ikut lah. Jangan kata kita *alih* [tukar]. sebab bila kita *alih* [tukar] atau ubah, generasi akan datang akan ingat, oh Macam ni Saba. jadi sebab tu Mak Zah pertahankan untuk buat yang sebenar. Buat benda yang asal.
- AS** : Pada pendapat Mak Zah, bagaimana nasib Seni Tarian Saba dalam masa lima tahun akan datang?
- CWN** : Kalau kita letak di bawah jabatan, bukan dibawah NGO, dari jabatan dia akan pegang sebagai rekod kemudian jabatan dia nak macam muzium ke, Jabatan Kebudayaan yang mana-mana memang itu dia nak benda tu asli, benda tu asal. tapi kalau boleh dekat NGO dia ubah untuk *content*

[kandungan]. Jabatan nak seni tu sebab nak pegang seni tu. Sebab dia nak mengkaji dan dia nak seni tu betul.

**AS** : **Bolehkan Mak Zah berikan sedikit nasihat dan kata-kata semangat untuk golongan anak muda yang ingin menceburi Seni Tarian Saba?**

**CWN** : Saya nasihat anak-anak muda untuk belajar sayangi lah khazanah seni dan negara kita, datuk nenek moyang kita supaya benda ni tidak dilupa. Sebab benda ni walaupun dia bukan budaya kita. kita kena pegang budaya kita jangan kita pegang budaya orang lain.

**AS** : **Bolehkah Mak Zah memberi sedikit kata-kata semangat?**

**CWN** : Semangat dia ialah "*tak hilang Melayu di dunia*", itu la semangatnya. Kita pegang kepada adat resam kita.

## **PENUTUP**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Che Wan Noorsaidi atau Mak Zah di sepanjang berkhidmat sebagai penggiat seni tarian Saba. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni tari pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

## 5.0 RALAT

Sepanjang wawancara ini berlangsung, terdapat beberapa masalah dan halangan yang perlu kami hadapi dan tidak dapat kami elakkan. Antaranya ialah:

- **Bunyi-bunyi di dalam dan luar rumah**
- **Bunyi haiwan seperti Kucing dan Ayam**
- **Bunyi batuk**
- **Bunyi hujan**
- **Bunyi kereta**

Akan tetapi, semua masalah dan halangan ini tidaklah begitu serius sehingga dapat mengganggu wawancara ini. Wawancara tersebut masih berjalan seperti biasa. Bunyi suara tokoh dan penemu bual juga dapat didengarkan secara jelas walaupun terdapat masalah dan halangan.

## 6.0 LOG TEMUBUAL

Nuur Athirah Binti Abu Hashim dan Nur Arifah Syahadah Binti Yusnilzahri telah pergi menemu bual Puan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman. Wawancara ini diadakan dan dijalankan di kampung halaman beliau di Kampung Kuala Jengal, Hulu Dungun, Kuala Terengganu. Kami telah menemu bual beliau mengenai latar belakang, sejarah pendidikan, kerjaya awal, penglibatan awal dalam tarian Saba, pencapaian dan sumbangan dan juga harapan dan nasihat beliau sebagai penerus dan juga tokoh dalam tarian Saba ini.

LOG MASA	TOPIK TEMUBUAL	SUBJEK TEMUBUAL
0:00:44 - 0:04:56	Latar Belakang Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Nama penuh diberi ialah Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman</li> <li>● Lebih dikenali sebagai Mok Zah</li> <li>● Dilahirkan pada                      di Kampung Kuala Jengal, Hulu Dungun, Kuala Terengganu</li> <li>● Berumur 64 tahun</li> <li>● Nama ayah beliau ialah</li> <li>● Nama ibu beliau ialah</li> <li>● Umur ayah beliau ialah 80 tahun ketika ayah beliau masih hidup</li> <li>● Umur ibu beliau 72 tahun semasa ibu beliau masih hidup</li> <li>● Ayah dan ibu beliau bekerja sebagai petani dan pekebun</li> <li>● Beliau mempunyai 7 orang adik beradik dan beliau merupakan anak yang kedua</li> <li>● Nama suami beliau ialah</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>● Suami beliau bekerja sebagai buruh am</li> <li>● Beliau mempunyai 5 orang anak</li> <li>● Hobi atau aktiviti yang beliau lakukan pada waktu lapang adalah menguruskan orang bersalin, membuat produk menggunakan akar kayu seperti ubat-ubatan tradisional, herba-herba digunakan untuk menjadi mahjong dan minyak</li> </ul>
<p>0:04:57 - 0:11:43</p>	<p>Sejarah Pendidikan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pendidikan awal beliau di sekolah Kampung Kuala Jengal</li> <li>● Beliau bersekolah sehingga darjah 6 sahaja</li> <li>● Pengalaman manis beliau semasa di bangku sekolah ialah semasa beliau ingin ke sekolah dan pada masa itu musim hujan, beliau terpaksa memakai baju biasa seperti baju berbunga-bunga dan selipar jepun untuk ke sekolah sambil membawa kasut sekolah agar kasut tersebut tidak basah dan semenjak di bangku sekolah lagi beliau aktif dalam bidang tarian</li> <li>● Subjek kegemaran beliau ialah subjek sejarah dan subjek yang kurang disukai oleh beliau adalah subjek matematik</li> <li>● Guru kegemaran beliau adalah guru bahasa Melayu</li> <li>● Tahun beliau menamatkan pelajaran beliau ialah pada tahun 1971 pada umur 12 tahun</li> </ul>

<p>0:11:44 - 0:19:55</p>	<p>Kerjaya Awal</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pekerjaan beliau sebelum beliau bergiat aktif dalam seni Tarian Saba adalah bekerja sebagai tukang masak di sebuah restoran, peladang, mengurut orang beranak, membuat herba dan juga berkebun.</li> <li>● Umur beliau semasa beliau memulakan pekerjaan awak ialah pada umur 25 tahun</li> <li>● Mok Zah membuat 4 ke 5 buah pekerjaan sebelum memulakan Tarian Saba.</li> <li>● Mok Zah mengatakan bahawa beliau membuat pekerjaan awal tersebut untuk menjana ekonomi beliau.</li> <li>● Gaji pekerjaan awal yang Mok Zah terima ialah RM10 sehari</li> <li>● Mok Zah mengatakan bahawa beliau masih lagi berhubung rapat dengan rakan sekerja beliau dahulu iaitu Puan Zainab, Puan Long Kembang dan juga arwah puan Aminah</li> <li>● Mok Zah mengatakan bahawa beliau berpuas hati dengan pekerjaan beliau kerana beliau berkebolehan untuk membuat semua kerja</li> </ul>
<p>0:19:56 - 0:55:33</p>	<p>Penglibatan Awal Tokoh Dalam Persembahan Saba</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mok Zah mengatakan beliau mula melibatkan diri dalam Tarian Saba ini pada tahun 1972 ketika berumur 13 tahun</li> <li>● Ketika ayah beliau meninggal pada</li> </ul>

		<p>tahun 1995, ketika itulah beliau mengambil alih tugas ayah beliau iaitu menjadi juru tari untuk Tarian Saba dan membuat persembahan sekali</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mok Zah mengatakan selepas ayah beliau meninggal, lagu-lagu yang digubah oleh ayah beliau diambil alih oleh orang lain</li> <li>● Akan tetapi pihak kebudayaan Dungun pergi mencari dan berjumpa dengan beliau kerana lagu-lagu ayah beliau masih mempunyai pewaris, jadi pihak kebudayaan Dungun memanggil beliau untuk membuat persembahan di suatu tempat</li> <li>● Mok Zah menyatakan yang memberi tunjuk ajar dan dorongan beliau dalam menceburi Tarian Saba ini ialah ayah beliau sendiri</li> <li>● Mok Zah menceritakan serba sedikit tentang salah silah Tarian Saba</li> <li>● Pada zaman dahulu zaman <i>Cek Mek Cok Mok</i> dulu Tarian Saba adalah perubatan, pada zaman dulu, mereka percaya tentang teguran daripada makhluk halus, jadi ada seorang bowoh wanita ni meminta bantuan daripada makhluk halus untuk mengubati pesakit atau seseorang yang terkena penyakit tersebut</li> <li>● Persembahan Tarian Saba ini ialah persembahan tari lain daripada</li> </ul>
--	--	--



		<p>persembahan yang asal iaitu ritual</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mok Zah menyatakan beliau mengubah ritual Saba ini kepada Tarian Saba kerana ritual Saba lebih kepada perubatan dan pemujaan dewa-dewa kerana seiring dengan waktu, ritual Saba dimansuhkan kerana pemujaan merupakan unsur-unsur yang syirik dan khurafat jadi Mok Zah menukarnya kepada Tarian Saba kerana Tarian Saba merupakan tarian semata-mata dan tidak termasuk atau tergolong daripada ritual Saba</li> <li>● Mok Zah mengatakan bahawa Tarian Saba adalah tarian yang asli yang dibuat oleh bapa beliau tetapi ditambah baik oleh beliau</li> <li>● Idola Mok Zah adalah bapa beliau sendiri iaitu Che Wan Abdul Rahman</li> <li>● Pakaian-pakaian yang dipakai oleh penari-penari Tarian Saba dibuat oleh Mok Zah sendiri dan tema warna untuk baju tersebut ialah kuning hijau dan mempunyai kain layang untuk menunjukkan pakaian yang dipakai oleh puteri.</li> <li>● Beza ritual Saba dan juga Tarian Saba ialah ritual Saba berubat memakai mantera dan ada lagu dan juga alat ritual tetapi Tarian Saba hanyalah tarian dan lagu sahaja, tidak menggunakan</li> </ul>
--	--	--

		<p>mantera</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mok Zah mengatakan penglibatan beliau dalam Tarian Saba ada kaitannya dengan generasi keluarga beliau</li> <li>● Beliau merupakan generasi yang ke-9 dan generasi yang terakhir dalam keluarga beliau</li> <li>● Beliau menyatakan pembukaan Kampung Kuala Jengal itu berasal daripada keluarga beliau</li> <li>● Kenangan terindah yang beliau lalui sepanjang penglibatan beliau dalam Tarian Saba ini beliau pergi membuat persembahan di Kuala Lumpur, di majlis seperti Beautiful Terengganu dan juga beliau memperoleh beberapa anugerah</li> <li>● Antara anugerah yang diterima oleh beliau adalah Anugerah Tokoh pada tahun 2000 di Muzium Kuala Lumpur, Dicalonkan sebagai Anugerah Tokoh pada tahun 2013, Anugerah Tokoh Negeri Terengganu pada tahun 2015 dan Anugerah Tokoh Seni Bahagian Daerah pada tahun 2018 di Muzium Terengganu</li> <li>● Alat musik yang dimainkan di dalam Tarian Saba ialah anak umbang, gendang ibu, gendang anak dan juga gong</li> <li>● Mok Zah mengatakan bahawa untuk mahir dalam seni Tarian Saba ini mengambil masa yang</li> </ul>
--	--	--

		<p>lama kerana kebolehan untuk mahir dalam seni tari ini bergantung kepada individu</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Jika mereka cepat belajar maka cepatlah mereka mahir akan tetapi jika mereka lambat belajar maka lambat la mahir</li> <li>● Mok Zah mengatakan persembahan Tarian Saba ini dimainkan sebagai persembahan pentas, di keraian dan juga di dewan</li> <li>● Mok Zah mengatakan persembahan Tarian Saba boleh ditonton oleh seluruh lapisan masyarakat</li> <li>● Mok Zah menambah, tempoh yang diambil untuk membuat Tarian Saba bergantung kepada masa yang diberi oleh pihak majlis atau acara tersebut</li> <li>● Jika pihak tersebut memberi masa 30 minit maka persembahan Tarian Saba akan berlangsung sehingga 30 minit</li> <li>● Mok Zah mengatakan bahawa jika pementasan atau persembahan tersebut khusus untuk Tarian Saba, beliau akan mengadakan 10 lagu untuk memberi penekanan lagi tentang Tarian Saba</li> <li>● Mok Zah memberitahu tentang kriteria untuk menyertai Tarian Saba, ia hanya perlu bentuk badan yang tidak terlalu besar akan</li> </ul>
--	--	---

		<p>pakaian dapat muat kerana kebanyakan pakaian Tarian Saba bersaiz kecil atau sederhana</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Lagu-lagu di dalam Tarian Saba mempunyai maksud dan kisah yang tersendiri sebagai contoh, lagu anak maniang menceritakan dan memberitahu tentang kesejahteraan tempat, negeri dan negara</li> <li>● Mok Zah memberitahu Tarian Saba boleh disertai oleh semua jenis jantina asalkan individu tersebut berminat dengan Tarian Saba</li> <li>● Mok Zah juga pernah membuat bengkel di Uitm dan juga Politeknik untuk mengajar pelajar-pelajar tentang Tarian Saba dan juga cara membuat alat musik Tarian Saba</li> </ul>
0:55:34 - 1:09:07	Pencapaian dan Sumbangan Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pencapaian terbaik yang pernah Mok Zah lalui ialah sebelum tahun 2019 sebelum peraturan syariah dibuat, Mok Zah dapat membuat persembahan di pelbagai dan banyak tempat dan juga Mok Zah pernah membuat persembahan di Indonesia</li> <li>● Momen yang dibanggakan oleh Mok Zah ialah ketika beliau menerima Anugerah Khas seperti Anugerah Tokoh kerana ketika itu nama beliau dipanggil untuk ke atas pentas dan apabila dimana-mana jamuan dimana nama beliau terpampang di atas</li> </ul>

		<p>meja</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pencapaian Mok Zah yang beliau rasakan kurang memuaskan apabila beliau dijemput untuk ke bacaan puisi dan penganjur acara tersebut mahu satu persembahan Tarian Saba diadakan dan mereka hanya memberi hamper sedangkan tanggungan penginapan dan pengangkutan tidak ditanggung</li> <li>● Sumbangan yang Mok Zah berikan antaranya ialah pakaian Tarian Saba kepada pihak ataupun murid-murid sekolah</li> <li>● Sumbangan lain yang diberikan oleh beliau ialah pelajaran percuma kepada pelajar-pelajar di sekolah</li> <li>● Mok Zah mengatakan sumbangan yang Tarian Saba berikan kepada masyarakat, individu dan negara lebih menjuruskan kepada negara kerana individu kurang berminat untuk belajar Tarian Saba kerana mereka lebih berminat untuk menonton sahaja</li> <li>● Pengorbanan yang Mok Zah lakukan ialah tentang kewangan, tidak kiralah beliau mempunyai duit atau tidak atau pihak sekolah atau institusi membayar atau tidak membayar beliau, beliau tetap akan pergi untuk mengajar selagi perkhidmatan beliau diperlukan dan dihargai</li> </ul>
1:09:08 -	Harapan dan Nasihat	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Harapan beliau mengenai Tarian</li> </ul>

1:15:35		<p>Saba ini walaupun beliau tidak ada, biarlah pelajar-pelajar atau sesiapa pun yang mengetahui tentang tarian ini meneruskan lagi legasi tarian ini</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mok Zah menambah, walaupun cara mengajar berlainan, janganlah mengubah keunikan dan keaslian Tarian Saba</li> <li>• Hasrat yang masih belum dicapai oleh Mok Zah ialah Mok Zah berharap Tarian Saba ini tidak ditukar dan diubah agar keaslian tarian ini dapat dikenali oleh generasi-generasi yang akan datang</li> <li>• Nasihat yang diberikan oleh Mok Zah kepada generasi-generasi yang ingin mempelajari tentang Tarian Saba ini adalah mereka perlu menurut saluran yang betul dan jangan ubah sedikitpun tentang tarian ini agar generasi-generasi akan datang dapat mengetahui tentang keaslian tarian ini</li> <li>• Mok Zah mengatakan nasib Tarian Saba dalam masa 5 tahun jika diletakkan di bawah NGO, mereka akan mengubah Tarian Saba dari keasliannya untuk dijadikan <i>content</i> akan tetapi jika diletakkan di bawah jabatan seperti muzium ataupun pusat kebudayaan, dia akan pegang keaslian seni tu kerana mereka ingin mengkaji tentang seni</li> </ul>
---------	--	--

		<p>tersebut</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Nasihat yang diberikan oleh kepada anak-anak muda untuk menceburi seni tari lebih-lebih lagi Tarian Saba ialah mereka mesti mengekalkan khazanah seni dan negara kita supaya seni Tarian Saba ini tidak dilupakan dan juga beliau mengingatkan anak-anak muda untuk memartabatkan budaya kita dan kalau boleh jangan memartabatkan budaya negara lain</li><li>• Kata-kata semangat yang diberikan oleh beliau ialah berbentuk peribahasa iaitu "tidak hilang Melayu di dunia" kerana kita harus memegang adat resam kita</li></ul>
--	--	--

## **7.0 HASIL KAJIAN**

Melalui sesi temubual bersama Puan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman, beliau mengkongsikan dan menjelaskan beberapa perkara. Berikut merupakan hasil kajian yang kami perolehi semasa menemubual Puan Che Wan Noorsaidi.

### **7.1 Latar belakang tarian Saba**

Tarian Saba adalah merupakan salah satu antara aktiviti kesenian yang terkenal di Kampung Kuala Jengai, Hulu Dungun, Terengganu. Tarian saba ini adalah gerak tari dan nyanyian yang mempunyai hubung kait dengan peristiwa-peristiwa tertentu yang berlaku dalam masyarakat pada suatu ketika dahulu. Antaranya, seperti wabak penyakit yang menimpa dan sebagainya.

Seni Tarian Saba diperkenalkan oleh seorang bomoh wanita yang bernama Che Mek Comot iaitu pada sekitar tahun 1718. Persembahan tarian ini dimulakan daripada seponon pokok kelapa muda yang diukir. Pokok itu dipanggil Saba. Ia bertujuan untuk acara perubatan. Pada kebiasaannya, rawatan itu dilakukan pada waktu malam sahaja. Setiap persembahan yang dilakukan untuk tujuan rawatan itu kadangkala ia mengambil masa sehingga 3 malam berturut-turut dengan iringan 33 buah lagu. Antaranya, Anak Burung Baniong, Anak Tedung, Anak Udang, Nur Sakti, Dewa Awan, Muda Di Awan dan banyak lagi.

### **7.2 Pengubahan ritual tarian Saba kepada kesenian dan hiburan**

Pada suatu ketika dahulu sebelum bermulanya Tarian Saba, upacara memanggil dewa atau pemujaan perlu dilakukan terlebih dahulu bagi memastikan proses perubatan yang ingin dijalankan berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan.

Bagaimanapun selaras dengan peredaran dan perubahan semasa serta peningkatan terhadap kesedaran agama, upacara pemujaan berunsurkan khurafat dan syirik itu dimansuhkan dan tidak lagi dilakukan di dalam persembahan seperti dahulu. Corak persembahan telah diubah sedikit demi sedikit. Ia bukan lagi berbentuk acara perubatan akan tetapi ia berubah ke arah kesenian dan hiburan. Ia berbeza berbanding dahulu, persembahan Tarian Saba pada hari ini juga disertai oleh penari yang tidak terikat



jumlahnya yang mengelilingi Saba dan diiringi beberapa jenis alatan muzik tradisional seperti gong, anak umbang dan rebanna.

## 8.0 INDEX

A	R
Anugerah 32,33,37,48,50,60	Rakaman 18,37
B	S
Budaya 8,9,12,30,32,35,41,53	Seni
Berlakon 23	1,2,8,9,10,11,12,14,15,18,22,23,29,30,31, 32,33,34,35,36,37,38,39,40,41,45,48,52,5 3,56,59,60,61
C	Sekolah 7,22,23,30,38,39,44,51,58,59
Content 29,34,40,52	Syirik 47,54
G	Saba
Gendang 34,48	1,2,3,7,9,11,12,14,15,18,21,24,25,26,29,3 0,31,32,33,34,35,36,37,38,39,40,41,43,45 ,46,47,48,49,50,51,52,53,54,56,59,60,61, 62
Gong 34,48,54	T
K	Tarian
Kebudayaan 9,25,26,29,31,35,40,46,52	1,2,3,7,8,9,10,11,12,14,15,18,22,24,25,26, 29,30,31,32,33,34,35,36,37,38,39,40,41,4 3,44,45,46,47,48,49,50,51,52,53,54,56,59 ,60,61
Khurafat 47,54	
Kesenian 2,54	
P	
Pengarah 35	
Politeknik 30,36,50	

## 9.0 RUJUKAN

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Maksud Seni. Carian Umum.

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=seni>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Maksud Tarian. Carian Umum.

<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tarian>

Ezafel Hakimi. (2021, March 10). Teknik dan Kaedah Sejarah Lisan– Filem Bukit Kepong. TahuTuai. <https://tahutuai.com/teknik-dan-kaedah-sejarah-lisan-filem-bukit-kepong/>

FaFai S. (2017, July 13). Nota Sejarah lisan Dan Pendokumentasian. Nota Sejarah Lisan dan Pendokumentasian (Bab 1 : Kaedah dan Sumber Sejarah). <https://www.slideshare.net/FaFaiS/nota-sejarah-lisan-dan-pendokumentasian-bab-1-kaedah-dan-sumber-sejarah-sjhk3043>  
Perpustakaan UM. (2021). Sejarah Lisan. Perpustakaan Universiti Malaya. <https://perpustakaan.um.edu.my/sejarah-lisan>

Sedinginhatiku. (2012, December 31). Malam Apresiasi Seni.

<http://sedinginhatiku.blogspot.com/2012/12/malam-apresiasi-seni.html>

Seni Tari Malaysia. (2010, 25). Malaysiaku Cintaku.

<https://bmpengurusan.blogspot.com/2010/08/seni-tari-malaysia.html>

Tarian – tarian tradisional Di Malaysia. (2018, November 23). Unique of malaysia. <https://uniqueofmalaysia.home.blog/2018/11/23/tarian-tarian-tradisional-di-malaysia/>

Tarian Saba. (n.d.). Unit Sumber Media.

<https://unitsumbermedia.blogspot.com/2017/05/tarian-saba.html>



## 10.0 LAMPIRAN

### Lampiran 1 - Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Che Wan Noorsaidi Binti Che AbdulRahman, K/P-....., pada.....  
....., 28 Januari 2023, dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (nterviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh: Che Wan Noorsaidi  
Binti Che Abdul Rahman)  
Tarikh: 28 Januari 2023

(Nama pensyarah: Nurulnissa Binti Abdullah)  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

## **Lampiran 2 - Soalan Temubual**

### **Bahagian1: latar belakang tokoh**

1. Boleh puan nyatakan nama penuh Puan?
2. Apakah nama panggilan puan?
3. Bilakah puan dilahirkan?
4. Dimanakah puan dilahirkan?
5. Berapakah umur puan sekarang?
6. Siapakah nama ayah puan?
7. Siapakah nama ibu puan?
8. Berapakah umur ayah puan?
9. Berapakah umur ibu puan?
10. Apakah pekerjaan ayah?
11. Apakah pekerjaan ibu puan?
12. Berapakah bilangan adik-beradik Puan?
13. Siapakah nama suami puan?
14. Apakah pekerjaan suami puan?
15. Puan mempunyai berapa orang anak?
16. Apakah hobi atau aktiviti yang puan lakukan pada waktu lapang?
17. Apakah cita-cita puan?

### **Bahagian 2: sejarah pendidikan**

1. Dimanakah puan mendapatkan Pendidikan awal?
2. Apakah pengalaman yang paling diingati oleh puan semasa berada di Pendidikan awal?
3. Dimanakah Puan bersekolah rendah?
4. Apakah subjek kegemaran puan?
5. Apakah pengalaman yang paling diingati semasa sekolah rendah?
6. Siapakah guru kegemaran puan ketika sekolah rendah?
7. Dimanakah puan melanjutkan pelajaran di sekolah menengah?
8. Apakah jurusan yang puan ambil ketika tingkatan 4 dan 5?
9. Apakah subjek yang puan minati dalam jurusan tersebut?

10. Apakah jawatan yang pernah disandang oleh puan ketika dibangku sekolah menengah?
11. Siapakah guru yang paling puan ingati semasa di sekolah menengah?
12. Tahun bilakah puan menamatkan pelajaran puan?
13. Apakah puan lakukan setelah tamat pembelajaran di sekolah menengah?

### **Bahagian 3: kerjaya awal**

1. Apakah pekerjaan awal puan?
2. Berapakah umur puan ketika puan memulakan pekerjaan awal puan?
3. Dimanakah lokasi awal tempat puan bekerja?
4. Berapa banyak pekerjaan yang puan lakukan sebelum puan bergiat aktif dalam tarian saba?
5. Mengapakah puan memilih pekerjaan awal tersebut?
6. Bagaimanakah puan boleh mendapatkan pekerjaan tersebut?
7. Berapa lama tempoh pekerjaan awal puan?
8. Apakah pekerjaan awal yang paling lama yang pernah puan lakukan?
9. Berapakah gaji pekerjaan awal yang puan terima?
10. Siapakah rakan sekerja yang paling puan akrab?
11. Adakah puan masih berhubung dengan rakan sekerja puan?
12. Adakah puan berpuas hati dengan pekerjaan awal puan?

### **Bahagian 4: penglibatan awal tokoh dalam persembahan saba**

1. Bilakah puan mula bergiat aktif dalam seni tarian saba?
2. Bagaimanakah puan boleh terlibat dalam persembahan saba?
3. Siapakah yang memberi tunjuk ajar kepada puan dalam mempersembahkan persembahan saba?
4. Siapakah yang memberi dorongan kepada puan menceburi tarian persembahan saba?
5. Siapakah idola puan dalam seni tarian saba?
6. Adakah penglibatan puan dalam seni tarian saba ini berkait dengan generasi keluarga puan?
7. Berapakah umur puan Ketika puan melibatkan diri dalam seni tarian saba?

8. Adakah puan seorang sahaja yang mewarisi seni tarian saba dalam kalangan keluarga puan?
9. Puan adalah generasi yang ke berapa dalam keluarga yang mewarisi seni tarian saba?
10. Sepanjang keterlibatan puan dalam seni tarian saba apakah kenangan terindah yang pernah puan lalui?
11. Bolehkah puan menceritakan serba sedikit berkaitan seni tarian saba?
12. Apakah pendapat puan tentang seni tarian saba?
13. Adakah terdapat alat muzik dalam seni tarian saba?
14. Apakah jenis alat muzik yang dimainkan dalam persembahan seni tarian saba?
15. Berapa lamakah tempoh waktu yang diambil untuk mahir dalam seni tarian saba?
16. Berapa orangkah yang diperlukan untuk menyertai persembahan seni tarian saba?
17. Bagaimanakah seni tarian saba dimainkan?
18. Adakah seni tarian saba mempunyai seragam atau pakaian yang khusus?
19. Berapakah peringkat umur yang dibolehkan untuk menonton atau menyertai persembahan tarian saba?
20. Berapa lamakah tempoh masa yang diambil untuk mempersembahkan seni persembahan saba?
21. Apakah kriteria yang diperlukan untuk menyertai seni tarian saba?
22. Adakah seni tarian saba dikhususkan untuk wanita sahaja atau boleh disertai oleh lelaki dan wanita.
23. Adakah puan pernah mengadakan seminar atau bengkel mengenai tarian Saba?
24. Jika ada, dimanakah tempat seminar atau bengkel tarian saba itu diadakan?

#### **Bahagian 5: pencapaian dan sumbangan tokoh**

1. Apakah pencapaian terbaik yang pernah puan capai?
2. Apakah pencapaian yang paling diingati oleh puan dalam seni tarian saba?
3. Sepanjang puan bergiat aktif dalam persembahan seni tarian saba ini apakah momen yang paling dibanggakan oleh puan?
4. Adakah puan pernah mengalami pencapaian yang kurang memuaskan sepanjang berkecimpung dalam seni tarian saba?

5. Berapa anugerah yang pernah puan terima?
6. Apakah sumbangan yang pernah puan sumbangkan kepada masyarakat?
7. Pada pendapat puan apakah sumbangan seni tarian saba di kalangan masyarakat, individu dan negara?
8. Adakah puan ada membuat sumbangan-sumbangan yang lain?
9. Apakah pengorbanan yang dilakukan oleh puan semasa berkecimpung dalam seni tarian saba?

#### **Bahagian 6: harapan dan nasihat**

1. Apakah harapan puan berkaitan tentang seni tarian saba?
2. Masih adakah hasrat yang belum dicapai oleh puan dalam mengembangkan seni tarian saba?
3. Apakah kekuatan puan untuk meneruskan harapan yang puan inginkan?
4. Apakah pesanan dan harapan puan terhadap masyarakat kini dalam menghargai seni tarian saba?
5. Apakah nasihat puan terhadap bakal-bakal anak seni yang ingin berkecimpung dalam seni tarian saba?
6. Pada pendapat puan bagaimanakah nasib seni tarian saba dalam masa 5 tahun akan datang?
7. Bolehkah puan memberikan sedikit nasihat dan kata-kata semangat untuk golongan-golongan anak muda yang ingin menceburi seni tarian saba?



Lampiran 3 - Diari kajian

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
1400-1700	10 Oktober 2022	Puan Nurulannisa Binti Abdullah, pensyarah subjek IMR604 memberi penerangan mengenai tugas sejarah lisan.	Cakna mengenai maklumat dan penerangan yang diberikan sebagai rujukan dan panduan.
1400-1700	11 Oktober 2022	Membuat kajian mengenai seniman veteran.	Mengenal pasti syarat dan kelayakan seniman veteran melalui garis panduan yang diberikan.
1400-1700	17 Oktober 2022	Menyenaraikan seniman veteran untuk di temubual antaranya Muhammad Azlee Bin Jaafar dan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman.	menyenarai pendek dan mencari maklumat berkenaan seniman.
1000-1400	18 Oktober 2022	Mencari maklumat mengenai tokoh yang menempati kriteria.	pastikan tokoh sesuai untuk di temubual atau tidak
1400-1700	16 November 2022	Mendapatkan kelulusan dari pensyarah mengenai tokoh yang dipilih iaitu Muhammad Azlee Bin Jaafar dan Che Wan Noorsaidi Binti Che Wan Abdul Rahman.	Menghantar abstrak kepada pensyarah.

1400-1700	6 December 2022	Pensyarah meluluskan untuk menemubual Che Wan Noorsaidi.	menghantar abstrak buat kali kedua setelah dibaiki mengikut guideline.
1000-1500	7 Desember 2022	Pencarian maklumat berkaitan Che Wan Noorsaidi.	Mencari maklumat tambahan berkaitan.
1400-1700	10 Desember 2022	Menyiapkan soalan temubual	Merujuk fakta dan maklumat berdasarkan maklumat yang dicari di internet dan dihantar kepada pensyarah.
1000-1100	1 Januari 2023	Menghubungi Che Wan Noorsaidi untuk persetujuan dan menetapkan tarikh temubual.	Mendapat persetujuan tarikh pada 14 Januari 2023 namun terpaksa ditangguhkan akibat kekangan waktu dari tokoh dan menetapkan semula pada 28 Januari 2022.
1600-1800	28 Januari 2023	Menemubual Che Wan Noorsaidi secara bersemuka di rumah beliau di Kuala Dungun, Terengganu.	Berjaya diselesaikan dalam masa 1 jam 16 minit.
2000-2300	10 Januari 2023	Menyiapkan kertas kerja, transkrip, preliminary preparation dan abstrak temubual tokoh.	Hendaklah dihantar pada 10 Februari 2023.
1400-1700	14 Januari 2023	Menghantar tugas penuh.	Selesai



Lampiran 4 - Gambar





